FIQH DAKWAH
DALAM AL-QURAN

oleh

Muhammad Haniff Hassan
2003

PENDAHULUAN

Awal abad 21 ini menyaksikan Islam ibarat sedang diadili oleh masyarakat dunia. Walau pun sebelum ini pun Islam sering menerima tohmah dan hukuman, namun selepas peristiwa 911, pencerobohan ke atas Afghanistan dan Iraq, pengeboman di Bali, Riyadh dan Moroko serta penangkapan JI di rantau ini menjadikan 'perbicaraan' ke atas Islam semakin gencar.

Walau bagaimana pun, 'perbicaraan' yang sedang berlaku tidak sedikit menjejas arus kebangkitan Islam. Sebaliknya ia semakin menguatkan semangat ramai umat Islam untuk bangkit membela agamanya dan tidak mengurangkan pula arus kemasukan golongan bukan Muslim ke dalam agama ini.

Sebagai reaksi dengan suasana dunia hari ini, arus kebangkitan Islam semakin deras. Kederasan arus ini telah menarik bersamanya, pelbagai anak muda Muslim untuk mencebur dalam usaha dakwah.

Kebersamaan lebih ramai umat Islam dalam usaha dakwah adalah satu perkembangan yang positif. Namun, Islam menuntut umatnya untuk melaksanakan tugas dakwah ini dengan ilmu. Apatah lagi, medan dakwah hari ini merupakan satu medan yang sofistikated. Ia memerlukan disiplin ilmu tersendiri untuk menjayakannya dengan benar.

Dua perkara penting sebagai bekal ilmu bagi aktivis dakwah;

1. Menguasai ilmu yang dikenali sebagai Fiqh Dakwah.
2. Memastikan Fiqh Dakwah yang dikuasai mempunyai sandaran dalam Al-Quran dan Sunnah

Buku kecil yang dinamakan Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran ini ditulis bukan bertujuan untuk membekalkan para pembacanya dengan ilmu dakwah yang komprehensif.

Ia bertujuan untuk

a. Mengajak para pembaca untuk melihat isu-isu yang berkaitan dengan dakwah di bawah bimbingan Al-Quran. Hal ini adalah kerana dakwah sebagai salah satu kewajiban agama tidak boleh dioperasikan tanpa mengambilkira petunjuk-petunjuk yang ada dalam Al-Quran, rujukan utama Islam.

b. Dengan sentiasa melihat isu dakwah di bawah bimbingan Al-Quran akan mendekatkan diri pendakwah dengan Al-Quran. Ini merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi pendakwah kerana Al-Quranlah yang membezakan para pendakwah dengan aktivis sosial yang lain.

c. Membimbing para pembaca untuk berfikir bersama ayat-ayat Al-Quran dan membina keupayaan untuk mengaitkannya dengan masalah kehidupan, khususnya masalah dakwah yang dihadapi. Terlalu banyak ayat Al-Quran yang menganjurkan umatnya untuk berfikir. Maka pendakwah tidak boleh dibentuk secara dogmatik. Pendakwah juga tidak boleh menyampaikan dakwahnya secara dogmatik. Maka budaya berfikir mengenai apa yang tersurat dan tersirat adalah penting. Tiada satu yang lebih penting bagi umat Islam untuk berfikir dengannya selain dari ayat-ayat Al-Quran yang mereka baca.

Kandungan buku ini asalnya adalah tulisan yang ditulis secara mingguan oleh penulis dan dikirmkan kepada pelbagai kumpulan e-mail *(mailing group).* Sejajar dengan budaya pembaca e-mail, tulisan ini ditulis dengan memetik satu atau dua ayat dari Al-Quran sahaja. Ayat-ayat berkenaan diperjelaskan berdasarkan satu tema yang ada padanya. Dari tema itu, diambil beberapa pengajaran pula.

Pendekatan berfokus ini hanyalah bertujuan untuk meringkaskan pembacaan sesuai dengan media yang digunakan. Pastinya setiap ayat itu mempunyai banyak lagi pengajaran dan isu yang dapat dihuraikan. Setelah membaca buku ini, diharapkan para pembaca dapat berusaha untuk berfikir akan apakah lagi pengajaran yang dapat diambil dari ayat-ayat berkenaan, bertanya kepada orang yang arif mengenai dapatannya dan berkongsi pula dengan yang lain.

Tumpuan buku ini kepada Al-Quran bukanlah bermakna penulis menafikan peranan Sunnah bagi para pendakwah. InsyaAllah penulis akan menulis pula, dengan konsep yang sama, Fiqh Dakwah Dalam Sunnah.

Buku ini amat sesuai dijadikan bahan perbincangan dan tazkirah dalam sesi-sesi perbincangan bagi aktivis dakwah.

Semoga Allah taala menerima usaha ini sebagai amal soleh yang berterusan manfaatnya.

Muhammad Haniff Hassan
2003

PENGENALAN KEPADA PENULIS

MUHAMMAD HANIFF B. HASSAN

Latarbelakang Pendidikan

- Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah & Undang-undang), Fakulti Pengajian Islam, Univerisiti Kebangsaan Malaysia, 1993
- Madrasah Aljunied Al-Islamiah, 1987
- Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, 1979
- Griffith Primary School, 1977

Pekerjaan

- Pengurus, Sekretariat, PERDAUS (Kini)

Penglibatan & Sumbangan

- Ahli, Panel Penasihat Pendidikan Agama, MUIS 2003
- Ahli, Lembaga Penasihat Syariah, Keppel Insurance - SGM (Kini dikenali sebagai Lembaga Penasihat Syariah, HSBC Insurance) 2000 – sekarang
- Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Madrasah Al-Irsyad, 1996 – sekarang
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Ulama & Guru-guru Agama Singapura (PERGAS), 2001 - sekarang
- Pensyarah, Diploma Pengajian Al-Quran & As-Sunnah, AIM – PERDAUS (Kini)
- Penyunting & Penulis, Majalah At-Takwin, (Kini)
- Kounselor Agama bagi ruang Kemusykilan Agama, Berita Minggu (Kini)
- Penyumbang artikel bagi Berita Harian & Berita Minggu
- Lembaga Rayuan Syariah, 1997 – 2001
- Ahli, Jawatankuasa Pendidikan Awam, Jabatan Pembangunan Keluarga, MUIS, 2000

- Naib Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan Masjid Al-Istighfar, 1997 - 1999

- Ahli, Jawatankuasa Latihan Asatizah, Jabatan Pendidikan Agama, MUIS, 1996 - 1998

Bidang Pengkhususan

- Pengurusan & pentadbiran organisasi
- Pengurusan madrasah sepenuh masa
- Pengurusan madrasah separuh masa
- Pendidikan jarak jauh bagi program pengajian Islam
- Pembangunan program latihan
- Perancangan & pengendalian bengkel latihan bagi lembaga masjid, belia dan aktivis organisasi Islam
- Kajian akademik
- Perancangan dakwah
- Undang-undang Islam
- Penulisan & penerbitan buku dan majalah

Buku-buku Yang Diterbitkan

- *Muslim.. Moderat.. Singaporean / Muslim.. Moderate.. Singaporean (dwi-bahasa),* terbitan bersama LPM Alkhair dan PERDAUS, 2003.

- *Pesanan Perjuangan*, terbitan PERDAUS, 2002

- *Noktah Hitam : Ajaran Sesat Di Singapura*, terbitan MUIS, 2001. Satu projek kerjasama antara MUIS dan PERDAUS

- *Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan & Perubatan*, terbitan PERDAUS, 2001

Kertas Seminar

- *Pendidikan Islam Di Singapura,* Seminar Pendidikan Islam di Pusat Pengajian Tinggi ASEAN III, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia & Jabatan Agama Islam Melaka, Melaka, 2001.

- *Ajaran Sesat Di Singapura*, Seminar Ajaran Sesat Serantau, Kolej Ugama Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 2000.

- *Penerapan Fiqh Kontemporari Dalam Konteks Masyarakat Kosmopolitan Singapura*, Muzakarah Ulama II, MABIMS, Penang, 1997

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 1
MELAKUKAN DAKWAH DENGAN BERFIKIR DAN BERAMAL DENGAN KEJELASAN

Allah berfirman yang bermaksud

"Maka tatkala rasa takut telah hilang dari Ibrahim dan berita gembira telah datang kepadanya, dia pun bersoal jawab dengan (malaikat-malaikat) Kami tentang kaum Luth. Sesungguhnya Ibrahim itu benar-benar orang yang penyantun dan suka kembali. Hai Ibrahim, tinggalkanlah soal jawab ini, sesungguhnya telah datang ketetapan Tuhanmu, dan sesungguhnya mereka itu akan didatangi azab yang tidak dapat ditolak." (Hud : 74-76)

Fiqh Da'wah

1. Dakwah harus melahirkan da'i yang berfikir dan berkeyakinan diri untuk berhujah.

2. Walau pun berhadapan dengan perintah Allah taala, ia tidak menghalang nabi Ibrahim untuk berhujah dan menyatakan pandangannya.

3. Anak buah gerakan dakwah, tidak seharusnya mengikut arahan sahaja tetapi tetap berfikir dan taat dengan kejelasan, harus berani dan berkeyakinan untuk menyampaikan pandangan dan berhujah.

4. Allah taala tidak menyalahkan atau mencela Ibrahim atas soalannya bahkan memuji beliau. Allah taala hanya memaklumkan bahawa walau pun ia mempunyai pandangan tetapi telah cukup tempoh yang diberi bagi kaum Lut sehingga mewajarkan azab ke atas mereka.

5. Pemimpin haruslah memimpin du`at untuk berfikir dan beramal atas kejelasan bukan taat buta.

6. Pemimpin haruslah berjiwa besar untuk bersedia menerima pandangan dan hujah dari pengikutnya.

7. Dakwah bukan indoktrinasi bukan dogma dan cuci otak.

Rujuk juga kisah nabi Ibrahim meminta Allah taala untuk menunjukkan kepadanya bagaimana Dia menghidupkan makhluk yang telah mati di Al-Baqarah : 260

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 2
DAKWAH HENDAKLAH MENGEMUKAKAN ALTERNATIF

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan datanglah kepadanya kaumnya dengan bergegas-gegas. Dan sejak dahulu mereka selalu melakukan perbuatan-perbuatan yang keji. Lut berkata 'Hai kaumku, inilah puteri-puteri (negeri)ku mereka lebih suci bagimu, maka bertakwalah kepada Allah dan janganlah kamu mencemarkan (nama)ku terhadap tamuku ini. Tidak adakah di antaramu seorang yang berakal." (Hud : 78)

Fiqh Dakwah

1. Nabi Lut bukan hanya menyalahkan kaumnya dan mengkritik kesalahan mereka tetapi mengemukakan alternatif bagi menyelesaikan masalah mereka dengan menawarkan anak perempuannya.

2. Pendakwah bukan hanya mengkritik tetapi juga mengemukakan penyelesaian dan alternatif.

3. Setengah ahli tafsir menyatakan puteri-puteri yang ditawarkan memang anak nabi Lut. Jika ini benar, maka ia menggambarkan tahap pengorbanan yang tinggi untuk dakwah - kesanggupan untuk menyerahkan anak-anak sendiri asal sahaja ia dapat mengubah perangai buruk umatnya.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 3
USAHA UNTUK MELINDUNGI DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Lut berkata Seandainya aku ada mempunyai kekuatan (untuk menolakmu) atau kalau aku dapat berlindung kepada keluarga yang kuat" (Hud : 80)

"Mereka berkata Hai Syuaib, kami tidak mengerti apa yang kamu katakan itu dan sesungguhnya kami benar-benar melihat kamu seorang yang lemah di antara kami; kalau tidaklah kerana keluargamu tentulah kami telah merejam kamu, sedang kamu pun bukanlah orang yang berwibawa di sisi kami." (Hud :

91)

Fiqh Dakwah

1. Lut berharap mempunyai sokongan keluarga yang kuat bagi menyokong dakwahnya. Kaum nabi Syuaib pula terhalang dari mengganggu beliau kerana keluarganya yang berada dibelakangnya.

2. Gerakan dakwah pada ketika lemah hendaklah berusaha untuk membina sokongan dari sumber kekuatan atau tampuk kuasa bagi menjaga dakwahnya dari gangguan musuh dan menjaga para pendakwahnya. Tampuk kuasa ini boleh dalam bentuk naungan keluarga yang kuat atau individu atau kuasa lain.

3. Adalah menjadi kebijaksanaan pendakwah untuk sentiasa mencari sumber kekuatan ini setiap masa dan memenangi sokongan mereka.

4. Walaupun dakwah kita adalah benar dan dijanjikan bantuan Allah yang maha agung, tapi ia tidak bermakna kita harus berdiam diri dari berusaha untuk menjaga keamanan dakwah dan pendakwah.

5. Hakikat ini ditunjukkan juga oleh Rasulullah s.a.w yang sentiasa membina kekuatan bagi menjaga dakwahnya dengan berlindung di bawah Abu Talib, keluarganya Bani Hashim, berlindung di bawah kabilah ketika pulang dari Taif dan memerintah sahabatnya untuk berlindung di Habsyah.

6. Walau bagaimana pun, perlulah dipastikan bahawa perlindungan ini diterima dari elemen yang boleh dipercayai (tidak semestinya muslim) dan tidak menggadaikan prinsip Islam.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 4
KEPENTINGAN KEPEKAAN TERHADAP PERSEKITARAN DAKWAH & PERKEMBANGAN SEMASA

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Alif Laam Miim. Telah dikalahkan bangsa Rumawi. Di negeri yang terdekat, dan mereka sesudah dikalahkan itu akan menang. Dalam beberapa tahun (lagi). Bgai Allahlah urusan sebelum dan sesudah (mereka menang). Dan di hari (kemenangan bangsa Rumawi) itu bergembiralah orang-orang yang beriman. Kerana pertolongan Allah, Dia menolong siapa yang dikehendakiNya. Dan Dialah Yang maha Perkasa lagi Maha Penyayang." (Ar-Rum : 1-5)

Fiqh Dakwah

1. Islam menganjurkan kepekaan terhadap isu dan perkembangan semasa.

Dalam keadaan teknologi dan sistem komunikasi yang tidak canggih, Rasulullah tetap mengambil tahu akan peristiwa yang berlaku di tempat lain. Pendakwah adalah kelompok yang paling utama untuk bersifat peka terhadap isu semasa.

2. Kita bukan hanya mengambil berat akan apa yang berlaku terhadap umat Islam tetapi juga terhadap umat lain kerana Rasulullah s.a.w mengambil berat terhadap nasib bangsa Rumawi.

3. Simpati kita terhadap nasib buruk bukan hanya kepada umat Islam tetapi juga umat lain.

4. Bersimpati dan menyokong musuh yang lebih ringan mudaratnya adalah dibenarkan asalkan sahaja tidak menyebabkan mudarat yang lebih besar. Rasulullah s.a.w bersimpati terhadap bangsa Rumawi yang bukan Islam kerana sebagai penganut agama Kristian mereka lebih dekat dengan Islam dari bangsa Parsi yang beragama Majusi.

5. Pendakwah haruslah bijak untuk mengenalpasti golongan bukan Islam, yang mana seperti Majusi dan yang mana seperti Rumawi dalam konteks yang dihadapinya kerana orang bukan Islam bukan semuanya sedarjat.

6. Pendakwah haruslah sentiasa dinamik dalam melayani golongan bukan Islam. Musuh hari ini tidak semestinya menjadi musuh akan datang. Memberi sokongan hari ini tidak semestinya memberi sokongan berterusan pada masa akan datang kerana walau pun Rasulullah pernah bersimpati kepada bangsa Rumawi tetapi apabila kedaan telah berubah, ia memerangi mereka sebagaimana yang berlaku dalam Perang Mu'tah dan Tabuk.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 5
DAKWAH IALAH SERUAN KEPADA BERFIKIR & IMAN ATAS DASAR ILMU

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan sesungguhnya telah Kami anugerahkan kepada Ibrahim hidayah Kebenaran sebelum (Musa dan Harun), dan adalah Kami mengetahui (keadaan)nya. (Ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya 'Patung-patung apakah ini yang kamu tekun beribadah kepadanya?'. Mereka menjawab 'Kami mendapati bapa-bapa kami menyembahnya'. Ibrahim berkata 'Sesungguhnya kamu dan bapamu berada dalam kesesatan yang nyata'." (Al-Anbiyaa' : 52 - 54)

Fiqh Dakwah

1. Perbuatan nabi Ibrahim a.s bertanya kepada bapanya mengajar pendakwah bahawa walau pun kita tahu akan kebatilan sesuatu perbuatan dan meyakini

kebenaran ajaran kita tetapi kita hendaklah memberi peluang kepada sasaran dakwah kita untuk menjelaskan perbuatan dan kepercayaannya. Inilah contoh yang ditunjukkan oleh nabi Ibrahim a.s mengenai dakwah dengan hikmah, contoh yang baik dan perdebatan yang ihsan. Kebenaran dakwah kita bukan satu lesen untuk kita terus menyerang sesuatu perbuatan atau kepercayaan tanpa memberi peluang kepadanya untuk menyampaikan hujah. Jangan sampai keyakinan kita kepada kebenaran dakwah pula menafikan hak orang lain untuk berhujah dengan kita. Sesungguhnya Islam membenci kuku besi dan dakwah tidak tertegak secara kuku besi.

2. Melakukan sesuatu perbuatan hanya berdasarkan ikut-ikut (taqlid) sahaja adalah dikeji dalam Islam. Walau pun, ayat ini bercakap mengenai orang bukan Islam tetapi hukumnya umum kepada semua hatta dalam mengamalkan Islam sekali pun. Maka sebab itu ulama mengeji taqlid. Siapa yang menunaikan solat semata-mata hanya kerana ikut-ikut (taqlid) sahaja, walau pun solatnya sah, tetapi perbuatannya itu dicela oleh agama kerana Islam harus diamalkan atas ilmu dan keyakinan. Begitulah juga dalam dakwah, ia tidak boleh dilaksanakan atas ikut-ikut (taqlid). Sesiapa yang merasa bangga bersama dengan kumpulan dakwah (Perdaus, Pergas, Darul, Muhammadiyah) tetapi tidak mempunyai ilmu mengenai fikrah, wawasan dan pegangannya, sesungguhnya dia telah tertipu. Lebih buruk lagi jika dia memandang rendah orang lain kerana 'kejahiliyahan' mereka.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 6
MENGAMBIL KIRA PERSEPSI UMUM

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Mereka berkata 'Sesugguhnya jika kita telah kembali (dari Perang Bani Mustaliq) ke Madinah, benar-benar orang yang kuat (Abdullah b Ubai dan kelompoknya) akan mengusir orang-orang yang lemah (Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya)'. Padahal segala kemulian itu kepunyaan Allah, RasulNya dan orang-orang beriman tetapi orang-orang unafiq itu tidak mengetahui." (Al-Munafiqun : 7)

Kata-kata di atas adalah tukilan dari kata-kata Abdullah b Ubai b Salul (ketua golongan Munafiqin) ketika dalam perjalanan pulang ke Madinah dari Perang Bani Mustaliq. Apabila kata-kata ini dilaporkan kepada Rasulullah s.a.w oleh sahabat yang mendengarnya, Umar r.a mencadangkan agar Abdullah b Ubai b Salul dibunuh sahaja. Rasulullah s.a.w melarangnya dengan kata-kata "Aku tidak mahu orang berkata Muhammad membunuh sahabatnya sendiri."

Rujuk sebab turun ayat ini dalam buku tafsir.

Fiqh Dakwah

1. Memberi pertimbangan terhadap pandangan manusia dan masyarakat terhadap tindakan kita adalah wajar dan pernah menjadi pertimbangan Rasulullah s.a.w sebagai sebahagian dari kebijaksanaan dalam melakukan dakwah.

2. Walau pun pertimbangan ini tidak wajib, tetapi kepentingannya bergantung dengan kecil atau besar maslahat yang perlu dijaga dalam mengambil kira pandangan orang lain. Semakin besar mudarat, jika tidak mengambil kira pandangan masyarakat, semakin penting pertimbangan terhadapnya.

3. Walau pun dakwah seharusnya bersifat mengislah (merubah) dan tidak konformis *(conformist)* tetapi mengabaikan sama sekali pandangan masyarakat terhadap tindakan kita adalah tidak wajar. Yang seperti itu, adalah pendakwah kepala batu dan egois.

4. Sememangnya usaha dakwah tidak akan mampu untuk menjadikan semua pihak gembira dengan kita, maka sebab itu kita memerlukan bimbingan Allah taala dalam membuat pertimbangan seperti ini - bila perlu meraikan pandangan masyarakat dan bila tidak perlu. Untuk itu, hubungan yang rapat dengan Allah taala, doa yang berterusan, istikharah dalam membuat keputusan dan bersyura adalah satu keperluan bagi pendakwah.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 7
DASAR DALAM MEMBANGUN IMEJ GERAKAN DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang faqir, maka menyembunyikannya itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian kesalahan-kesalahanmu, dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Al-Baqarah : 271)

Fiqh Dakwah

1. Allah taala menganjurkan kita menyembunyikan sedekah / amal dakwah kita. Namun Allah taala juga membenarkan kita untuk menampakkannya. Yang demikian itu, dikatakan oleh para ulama, dalam situasi yang boleh menarik orang untuk mencontohi perbuatan kita, bergabung dalam kerja dakwah dan mencapai maslahat-maslahat dakwah yang penting.

2. Oleh itu, tidak semua usaha dakwah yang ditonjol-tonjolkan itu tercela atau dianggap sebagai menyeleweng dari jalan dakwah.

3. Tidak dinafikan bahawa riya' itu adalah satu perkara yang halus yang boleh menyelinap dalam hati pendakwah, namun tidaklah wajar untuk sesiapa

menghukum individu atau organisasi dakwah yang menonjolkan kerja dakwahnya dengan hukuman yang negatif kecuali dia mempunyai bukti terhadap niat atau tujuan yang jahat. Asalnya kita dituntut untuk berbaik sangka dan menghukum mengikut apa yang zahir sahaja kerana tiada yang mengetahui hati seseorang kecuali Allah taala.

4. Walau bagaimana pun, tidak salah untuk kita saling memberi peringatan dan menasihat kerana agama adalah nasihat. Cuma, di sana jelas berbeza antara memberi nasihat dengan menghukum.

5. Perlu juga dibezakan antara menonjolkan individu yang melakukan dakwah dan mempromosi organisasi dakwah kerana mempromosi organisasi tidak bermakna mempromosi mana-mana individu. Riya' pula wujud dalam diri individu bukan organisasi. Walau pun mempromosi organisasi boleh juga menimbulkan riya' di kalangan individu dalam organisasi itu tetapi risikonya tidaklah sebesar mempromosi individu, maka berbezalah juga hukumnya.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 8
MANUSIA BERBEZA-BEZA, SETIAP SATU ADA HUKUMNYA

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwanya pada jalan Allah dan orang-orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin), mereka itu satu sama lain lindung-melindungi. Dan terhadap (terhadap) orang-orang yang beriman, tetapi belum berhijrah, maka tidak ada kewajiban sedikit pun atasmu melindungi mereka, sebelum mereka berhijrah. (Akan tetapi) jika mereka meminta pertolongan kepada mu dalam (urusan pembelaan) agama, maka kamu wajib memberikan pertolongan kecuali terhadap kaum yang telah ada perjanjian antara kamu dnegan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad, dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin), mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Mereka memperoleh keampunan dan rezeki (nikmat) yang mulia.

Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian berhijrah dan berjihad bersamamu, maka orang-orang golonganmu juga (juga). Orang-orang yang mempunyai kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) di dalam Kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu." (Al-Anfaal : 72, 74 & 75)

Fiqh Dakwah

1. Allah taala menyebut beberapa kelompok orang beriman dalam kumpulan ayat ini

a. mereka yang beriman, berhijrah bersama nabi dan berjihad.
b. mereka yang memberi perlindungan kepada mereka yang berhijrah.
c. mereka yang tidak dapat berhijrah.
d. mereka yang berhijrah dan berjihad terkemudian.
e. mereka yang beriman dan mempunyai hubugan kerabat.

2. Setiap satu dari kelompok ini, Allah menyatakan kelebihan, hak dan tangungjawab masing-masing atau mempunyai hukum yang berbeza-beza.

3. Ini mengajar pendakwah akan kepentingan untuk sentiasa melihat manusia sebagai kelompok-kelompok tertentu *(human segmentation)* yang setiap satu mempunyai karakteristik yang berbeza dan perlu dilayan dan diberi hukum yang berbeza.

4. Ini sekali lagi mengingatkan kita bahawa hukum alam kehidupan manusia ialah mereka bukan makhluk yang homogenous - serupa dalam semua perkara. Pendakwah haruslah sentiasa meraikan hakikat ini dalam berinteraksi dengan manusia. Orang beriman itu berbagai-bagai kedudukan dan orang kafir juga berbagai-bagai kedudukannya.

5. Kegagalan untuk memahami hakikat ini boleh menatijahkan pelaksanaan dakwah yang tidak berkesan bahkan boleh menimbulkan kemudaratan. Begitulah juga dalam memberi hukum secara pukul rata *(generalisation).* Ia boleh menatijahkan hukum yang tidak wajar bagi sekelompok manusia.

6. Allah taala meraikan dan menerima semua orang beriman dalam keadaan perbezaan sumbangan dan peranan mereka, maka wajarlah pendakwah mencontohiNya.

7. Dengan ini, gerakan dakwah haruslah mengambil iktibar bahawa dakwah haruslah bersifat inklusif - menerima sesiapa sahaja yang mahu beriman dan memainkan peranan dan meletakkan mereka ditempat yang sesuai, bukan ekslusif - mengkhusus hanya kepada kelompok tertentu sahaja. Lebih buruk lagi, jika gerakan dakwah secara sedar sentiasa berusaha menyisih *(marginalising)* orang lain.

8. Dakwah kita ialah menyeru kepada Islam yang hakiki dan meraikan kepelbagaian yang mungkin lahir darinya. Kita tidak menyeru manusia untuk hanya menjadi Umar (seorang yang berani) atau Abu Bakar (seorang yang taat tanpa berbelah bahagi) atau Abu Zar (seorang yang zuhud) atau Abdul Rahman b Auf (ahli niaga yang jutawan) tetapi sesiapa yang ingin menjadi seperti Umar, silakan dan siapa yang ingin menjadi Abu Zar, silakan dan sesiapa yang ingin menjadi Abdul Rahman b Auf, silakan. Asal sahaja, tidak menjadi Abu

Jahal, Abu Lahab, Firaun atau Namrud.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 9
MENGUTAMAKAN PROSES YANG AMAN DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Dan jika mereka bermaksud hendak menipumu, sesungguhnya cukuplah Allah (menjadi pelindungmu). Dialah yang memperkuatmu dengan pertolonganNya dan dengan orang-orang beriman." (Al-Anfal : 61-62)

Fiqh Dakwah

1. Dakwah adalah lebih utama untuk dilaksanakan dalam suasana aman. Kaedah dakwah yang aman adalah lebih diutamakan dari kekerasan.

2. Namun ini bukan bermaksud bahawa jihad itu tidak perlu atau orang yang berdakwah secara aman lebih utama dari para mujahidin. Yang dimaksudkan ialah jihad ada tempat dan masanya dan dakwah secara aman ada tempat dan masanya. Dalam keadaan yang dakwah secara aman masih luas *(abundance)* dan memungkinkan, maka ia adalah lebih utama kerana ia lebih sesuai dengan fitrah manusia. Para mujahidin di medan jihad yang tulen tetap lebih mulia kerana firman Allah taala di An-Nisaa' : 95.

3. Hakikat ini disokong oleh peristiwa Perjanjian Hudaibiyah dan kesannya. Sejarah mencatat bahawa jumlah kemasukan Islam selepas Perjanjian Hudaibiyah lebih ramai dari jumlah keseluruhan yang masuk Islam sebelum perjanjian. Sejarah juga membuktikan bahawa kaedah dakwah secara aman adalah juga berkesan seperti yang berlaku ke atas masyarakat Madinah, rantau Melayu dan banyak bumi yang lain.

4. Dakwah juga haruslah sentiasa mengambil kira faktor Allah taala dalam memastikan kejayaannya dan menggarap sokongan orang-orang beriman. Namun Allah taala menyebut kebergantungan kepada Allah taala dahulu sebelum sokongan dari orang-orang beriman. Yang dimaksudkan dengan faktor Allah taala ialah untuk mendapatkan bantuan dan keberkatanNya melalui taqarrub yang berterusan.

5. Kebergantungan pendakwah kepada Allah taala menjadikan dia lebih istiqamah bagi memenuhi maslahat yang lebih utama bagi dakwah kerana ia tidak melaksanakan dakwah kerana kewujudan individu tertentu atau kawan-kawannya. Di mana ada maslahat besar untuk dakwah, di situ kita berusaha memainkan peranan, walau pun harus bersendirian kerana cukuplah

bagi kita Allah taala sebagai tempat bergantung.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 10
MENANGGAPI KEINGKARAN YANG WUJUD DALAM LINGKUNGAN SENDIRI

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Allah membuat isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth perumpamaan bagi orang-orang kafir. Keduanya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang soleh di antara hamba-hamba Kami, lalu kedua isteri itu berkhianat kepada kedua suaminya, maka kedua suaminya itu tiada dapat membantu mereka sedikitpun dari (siksa) Allah, dan dikatakan (kepada keduanya)'Masuklah ke neraka bersama orang-orang yang masuk (neraka)'." (At-Tahrim : 10)

Fiqh Dakwah

1. Keimanan bukan sesuatu yang boleh diwarisi. Menjadi isteri / anak seorang nabi atau lahir dalam keluarga ulama dan pendakwah semata-mata tidak menjamin kejayaan dan kesolehan seseorang. Oleh itu, didiklah anak / isteri kita untuk menjadikan mereka soleh dan menjayakan perjuangan ini kerana kesolehan dan perjuangan kita tidak diwarisi melalui pertalian darah.

2. Mempunyai ahli keluarga yang tidak mengamalkan Islam semata-mata bukan alasan untuk mencacatkan kewibawaan dan keperibadian seorang pendakwah. Kecelaan terhadap pendakwah berkenaan ialah apabila ia tidak berusaha sedaya upaya untuk berdakwah dengan keluarganya yang sedemikian atau ia mengambil mudah dan redha terhadap kemungkaran berkenaan kerana Nabi Nuh dan Nabi Luth tidak sedikit pun dicela keperibadiannya atas keingkaran isteri mereka. Oleh itu, jangan cepat menghukum individu yang wujud di kalangan ahli keluarganya yang tidak beriltizam dengan Islam kerana mungkin ia seperti Nabi Nuh, yang lebih mulia dari kita.

3. Allah taala ingin mencuba manusia dengan pelbagai bentuk ujian. Antara ujian itu ialah mewujudkan ahli keluarga yang tidak beriltizam dengan Islam. Sesiapa yang ditaqdirkan sedemikian, janganlah berputus asa. Sebaliknya hendaklah berusaha dan terus berusaha. Kesabaran atas usaha yang berterusan itu menatijahkan pahala. Mungkin juga Allah taala mahu memberi peluang untuk merapatkan martabat dirinya kepada martabat Nabi Nuh dan Luth.

4. Sesungguhnya seseorang tidak dihisab atas keingkaran orang lain. Sesungguhnya seseorang itu hanya dituntut untuk berusaha sedaya upaya, sedangkan natijah dan hidayah hanyalah ketentuan Allah taala semata-mata.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 11
MEMANFAATKAN ANASIR SOLEH DALAM LINGKUNGAN JAHILIYAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan Allah membuat isteri Fir`aun perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, ketika ia berkata 'Ya Tuhanku, bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisiMu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Fir`aun dan perbuatannya dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim'." (At-Tahrim : 11)

"Dan seorang lelaki yang beriman di antara pengikut-pengikut Fir`aun yang menyembunyikan imannya berkata 'Apakah kamu akan membunuh seorang lelaki kerana dia menyatakan Tuhanku ialah Allah padahal dia telah datang kepadamu dengan membawa keterangan-keterangan dari Tuhanmu. Dan jika ia seorang pendusta maka dialah yang menanggung (dosa) dustanya itu; dan jika ia seorang yang benar nescaya sebahagian (bencana) yang diancamkannya kepadamu akan menimpamu' Sesungguhnya Allah tidak menunjuki orang-orang yang melampaui batas lagi pendusta." (Al-Mukmin / Ghafir : 28)

Fiqh Dakwah

1. Berlatarbelakang keluarga yang fasiq dan zalim, tidak bermakna seseorang itu tidak berkemungkinan untuk mendapat hidayah dan menjadi anasir yang baik bagi dakwah. Oleh itu, jangan sekali-sekali menyisihkan individu yang datang dari keluarga sedemikian dari usaha dakwah.

2. Sesiapa yang hidup di tengah-tengah keluarga atau persekitaran yang fasiq dan jahat, janganlah berputus asa dan kecewa atas keadaan yang dihadapinya.

3. Di tengah-tengah kefasiqan, mungkin ada anasir baik yang boleh menjadi aset bagi dakwah. Sejarah akan sentiasa berulang. Manusia seperti isteri Fir`aun dan lelaki dalam ayat kedua akan sentiasa wujud sepanjang zaman. Oleh itu, adalah menjadi kebijaksanaan pendakwah untuk mencari dan memanfaatkan mereka. Namun ini tidak akan dapat dilakukan jika pendakwah terikat dengan mentaliti *'judgmental'* atau bersifat menyisih.

4. Kewujudan individu di tengah kefasiqan bukan alasan untuk mencela mereka. Yang penting ialah bagaimana kita merangkul dia dalam usaha dakwah dan bagaimana dia dengan keterbatasan yang ada masih dapat menyumbang untuk dakwah. Allah taala tidak membebankan seseorang lebih dari kemampuannya.

5. Anasir yang soleh di tengah kefasiqan ada manfaat dan peranannya dalam dakwah. Jangan disisih mereka itu.

6. Walau pun berada di tengah kefasiqan mempunyai peranan dalam dakwah tetapi jangan lupa akan peringatan Allah taala dalam surah Hud : 113.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 12
NILAI KEPIMPINAN DALAM AL-FATIHAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang"

"Segala puji bagi Allah taala, Tuhan semesta alam. Maha pengasih lagi maha penyayang. Yang menguasai, hari pembalasan. Hanya kepada Engkau kami menyembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka dan bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula (jalan) mereka yang sesat." (Al-Fatihah : 1 - 7)

Fiqh Dakwah

1. Allah taala menyatakan sifat pengasih dan penyayang bagi Dia dahulu sebelum sifat kekuasaan. Begitulan para pendakwah/pemimpin, ia harus mengutamakan sifat pengasih dan penyayang sebelum menonjolkan aspek kekuasaan yang ada padanya.

2. Allah taala bukan sekadar menuntut manusia agar beribadah (taat) kepadaNya tetapi juga terbuka untuk menerima aduan hamba-hambaNya. Bahkan dalam pelbagai hadits, Allah taala merasa gembira jika hamba-hambaNya meminta kepadaNya. Demikianlah pendakwah/pemimpin, dia bukan hanya menuntut atau mengharap orang untuk mendengar seruannya atau laksanakan ajarannya tetapi juga haruslah bersedia untuk mendengar rintihan dan masalah mad`uunya atau berkhidmat untuk mereka.

3. Sesiapa pun yang memainkan peranan sebagai pemimpin khususnya para pendakwah, dia memikul tangungjawab untuk membimbing pengikutnya ke jalan yang lurus. Pendakwah/pemimpin bukan hanya mempunyai hak (ditaati, dihormati, kekuasaan) tetapi juga tanggungjawab (pengasih, berkhidmat kepada orang lain, membimbing ke jalan yang benar).

4. Allah taala mengajar kita agar mengikuti jalan orang yang baik dan juga menjauhi jalan orang yang jahat. Demikianlah juga pendakwah/pemimpin bukan hanya menunjukkan kebaikan tetapi juga menunjukkan apa dia kejahatan.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 13
KEUNIVERSALAN SIFAT RAHMAT ISLAM

Firman Allah taala yang bermaksud

"..... dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia

dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti akan menolong orang yang menolong (agama)Nya. Sesunguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa." (Al-Haj : 40)

Fiqh Dakwah

1. Sebahagian dari sunnah alam ini ialah Allah akan membangkitkan sekelompok manusia bagi menolak keganasan manusia yang lain.

2. Umat Islam diajar bukan hanya untuk membela sesama umat Islam tetapi juga membela umat dari agama lain jika mereka dizalimi. Ini boleh difahami dari pernyataan biara, geraja, rumah ibadat Yahudi bersama dengan masjid dari dirobohkan oleh keganasan sebahagian manusia.

3. Jika ada sekelompok penganut agama lain yang dizalimi dan ditindas, umat Islam adalah lebih utama untuk bangkit membela mereka, menyuarakan suara mereka dan membebaskan mereka dari kezaliman itu. Itulah semangat yang ditunjukkan oleh para sahabat apabila mereka maju ke segenap ceruk negeri Rum dan Parsi, bagi membebaskan rakyat dari kezaliman pemerintah.

4. Allah taala bukan hanya akan membantu kita dalam membela agama Islam tetapi juga agama lain yang ditindas, kerana membela penganut agama lain dari penindasan itu sebahagian dari ajaran Islam.

5. Walau pun Islam tidak sependapat dengan akidah agama lain tetapi Islam menghormati kehidupan beragama.

6. Apabila Islam menganjurkan kita memelihara rumah ibadat dari dimusnahkan, ia menunjukkan bahawa rumah ibadat dan hidup beragama mempunyai peranan yang positif dalam kehidupan manusia serta sosial. Mereka yang beragama dengan erti yang sebenar dan jujur lebih baik dari tidak beragama.

7. Jika ada sekelompok manusia bukan Islam yang bangkit menentang kezaliman, dalam erti kata sebenar, adalah wajar umat Islam bersama dalam usaha melawan kezaliman itu berdasarkan erti umum ayat. Sebagai contoh, sekelompok penganut Kristian Katolik dizalimi oleh penganut ajaran Kristian dari mazhab lain. Lalu diputuskan oleh PBB agar dikirim pasukan pengaman bagi menghentikan pertikaian dan kezaliman. Jika kezaliman itu benar terbukti, wajarlah negara Islam untuk terlibat sebagai sebahagian dari pasukan berkenaan walau pun ia diketuai oleh ketua yang bukan Islam.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 14
WAJIB MENGHORMATI KEYAKINAN ORANG LAIN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan janganlah kamu memaki sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti (mereka) akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah, tempat kembali mereka lalu Dia memberitahukan mereka apa yang dahulu mereka kerjakan." (Al-An`aam : 108)

Fiqh Dakwah

1. Islam menganjurkan sikap hormat terhadap kepercayaan dan amalan agama lain. Walau pun, kita meyakini kebenaran agama kita dan keagungan Allah taala, namun ia bukan satu alasan untuk kita memperlekeh, mempersenda dan mempermainkan tuhan atau amalan atau kepercayaan penganut agama lain seperti mentertawakan kepercayaan Hantu Lapar masyarakat Cina atau mempersendakan rupa bentuk patung sembahan agama Hindu. Perbuatan sedemikian bukan hanya melanggar tata susila masyarakat umum tetapi juga menyebabkan orang lain akan memaki hamun Allah taala dan Islam pula.

2. Jika kita tidak suka orang lain mempermainkan agama kita, adalah satu kejahilan jika kita pula mempermainkan agama orang lain. Mempermainkan agama lain adalah satu dosa kerana melanggar perintah Allah taala.

3. Dalam proses *'inter religious/culture engagement'*, tidak perlu bersifat apologetik atau bermanis mulut dengan mengatakan semua agama adalah sama atau mengharapkan orang lain berpandangan sedemikian. Allah taala engatakan *'Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka'* yang bermaksud keyakinan setiap penganut agama bahawa agama mereka adalah benar dari yang lain adalah satu perkara yang wajar dan lumrah. Kita tidak perlu merasa marah terhadap orang Kristian yang mengatakan agama Kristian ialah agama sebenar dan yang betul kerana kita juga berkeyakinan sedemikian.

4. Asas pada keharmonian kehidupan beragama dan dialog antara agama bukan terletak pada pengiktirafan terhadap persamaan darjat semua agama tetapi pada keupayaan untuk menghormati dan bertoleransi terhadap agama lain walau pun kita meyakini kebenaran agama kita.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 15
KUALITI & KUANTITI DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah dan Allah bersama orang-orang yang sabar."

(Al-Baqarah : 249)

Fiqh Dakwah

1. Kemenangan bukan milik kelompok yang ramai semata-mata. Jumlah yang sedikit, jangan mematahkan semangat dan jangan dijadikan alasan untuk tidak berusaha. Pendakwah tidak seharusnya meletakkan pergantungan pada jumlah dan angka kerana pergantungan kita hanya kepada Allah semata-mata.

2. Islam menekankan kualiti dalam semua aspek. Kualiti lebih utama dari kuantiti.

3. Namun, segala yang di atas, jangan menjadikan pendakwah berpada dengan jumlah tertentu dalam kumpulannya atau berpuashati dengan jumlah yang dia ada atau memandang remeh terhadap usaha meningkatkan kuantiti dalam kerja dakwah.

4. Hal ini adalah kerana Islam juga memberi penekanan kepada aspek kuantiti. Rasulullah s.a.w secara jelas menganjurkan umatnya agar membanyakkan zuriat. Nabi Sulaiman membina kekuatan yang meliputi aspek kuantiti, bukan hanya terhad kepada manusia tetapi juga meliputi jin dan binatang-binatang dalam tenteranya. Sirah Rasulullah sendiri menunjukkan bahawa, walau pun kemenangan tidak semesti bersama dengan kumpulan yang ramai, tetapi jumlah tentera yang bersamanya sentiasa meningkat dari satu peperangan ke satu peperangan - Badr : 313 tentera, Uhud 700 tentera dan kemuncaknya Penaklukan Mekah : 10,000 tentera.

5. Islam menyuruh kita menyediakan kekuatan. Oleh kerana pada kuantiti itu terdapat kekuatan, maka kuantiti juga dituntut. Peningkatan kuantiti juga merupakan indikasi kepada keberkesanan dakwah kita.

6. Pendakwah yang hanya berpada dan selesa dengan jumlah tertentu sahaja adalah pendakwah yang malas dan tertipu.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 16
JIKA MERAJUK DI JALAN DAKWAH…

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Sesungguhnya Yunus benar-benar salah seorang rasul. (ingatlah) Ketika ia lari, ke kapal penuh muatan. Kemudian ia ikut berundi lalu dia termasuk orang-orang yang kalah dalam undian. Maka ia ditelan oleh ikan besar dalam keadaan tercela. Maka kalau sekiranya dia tidak termasuk orang-orang yang banyak mengingat Allah. Nescaya dia akan tetap tinggal di perut ikan itu sampai hari berbangkit." (As-Shaaffaat : 139 - 144)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini menceritakan kisah nabi Yunus yang meninggalkan kaumnya kerana kedegilan mereka. Di sebabkan nabi Yunus 'lari' dari kaumnya, Allah taala 'menghukum' dia dengan ditelan oleh ikan.

2. Melarikan diri dari medan dakwah semata-mata kerana mengikut perasaan tanpa pertimbangan terhadap maslahat adalah satu perbuatan yang boleh menarik kemurkaan Allah taala. Allah taala telah menyatakan bahawa sunnah dakwah ini akan penuh dengan kesukaran. Adalah menjadi kewajiban atas para pendakwah untuk memahami sunnah ini dan bersabar. Melarikan diri atau merajuk adalah petanda putus asa dan tidak disukai oleh Allah taala.

3. Adalah penting bagi pendakwah untuk memperbanyakkan ibadah dan mendekatkan hubungan dengan Allah taala sepanjang masa. Sehingga, jika ia melakukan kesalahan atau dosa, ibadah dan hubungannya yang rapat itu memelihara dirinya dari azab atau kemurkaan Allah taala, atau meringankan hukuman atas perbuatannya, atau menjadikan Allah taala lebih kasihan dari memurkainya.

4. Mereka yang dikasihi Allah taala mendapat keistimewaan untuk ditarbiyah oleh Allah taala secara langsung.

5. Jika ditakdirkan pendakwah tercampak bersendirian, maka gunakanlah kesempatan itu untuk perbanyakkan zikir dan ibadah bagi bekal jalan dakwah selanjutnya.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 17
ERTI RABBANI DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Katakanlah 'Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku, mengajak (kamu) kepada Allah atas hujah (basirah) yang nyata, Maha Suci Allah dan aku tiada termasuk dalam orang-orang yang musyrik'." (Yusuf : 108)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini mengajar beberapa prinsip dalam kerja dakwah iaitu

a. Dakwah ini bersumberkan dari Allah taala. Ini dapat dilihat dari perkataan 'katakan' yang memberi maksud bahawa Rasulullah s.a.w menerima perintah dari Allah taala dan juga perkataan 'jalan (agama)ku' yang menunjukkan bahawa dakwah harus berjalan atas panduan agama Islam. Ertinya sifat dakwah kita ialah *'minallahi'* - dari Allah.

b. Dakwah ini menyeru kepada (ubudiyah kepada) Allah taala bukan kepada

pengangungan individu atau organisasi. Seruan kita ialah kepada Islam dahulu sebelum yang lain. Ertinya sifat dakwah kita ialah *'illahi'* - kepada Allah.

c. Dakwah ini dilakukan hanya kerana Allah taala. Ini dapat dlihat dari firmanNya 'Maha Suci Allah dan aku tiada termasuk dalam orang-orang yang musyrik'. Sesungguhnya melakukan dakwah atas niat selain dari mencari keredhaan Allah taala adalah syirik yang tersembunyi. Maka jadilah sifat dakwah kita *'lillahi'* - kerana Allah semata-mata.

d. Atas dasar itulah kita katakan bahawa usaha kita sebagai Perjuangan Rabbani *(minallah. ilallah, lillah)* Bukan Yang lain.

e. Dakwah perlu dilakukan secara kolektif *(jama`ii).* Ini dapat dilihat dari firmanNya 'aku dan orang-orang yang mengikutiku'.

f. Dakwah perlu dilakukan atas kejelasan ilmu dan hujah bukan atas ikut-ikutan. Ini dapat dilihat dari firmanNya 'mengajak (kamu) kepada Allah atas hujah *(basirah)* yang nyata'. Untuk melakukan dakwah atas ilmu, pendakwah perlulah faham dan sentiasa berfikir.

2. Ayat ini juga mengajar kita sumber-sumber kekuatan dakwah, iaitu

a. Kekuatan manhaj. Ini dapat dilihat dari perkataan 'Katakanlah', 'Jalan (agama)ku', 'Atas hujah *(basirah)*'.

b. Kekuatan kepimpinan dan jamaah. Ini dapat dilihat dari perkataan 'Aku dan mereka yang mengikuti ku'. 'Aku' itu merujuk kepada Rasulullah s.a.w sebagai simbol kepimpinan dakwah. Gabungan 'Aku' dan 'mereka yang mengikuti ku' adalah simbol berjamaah.

c. Kekuatan disiplin. Ini dapat dilihat sifat sahabat yang taat 'mengikuti' Rasulullah s.a.w, istiqamah atas manhaj dan niat semata-mata kerana Allah taala. Tanpa disiplin, segala prinsip yang dinyatakan akan mudah diabaikan. Apabila prinsip telah ditinggalkan, maka jadilah dakwah sebagai usaha yang memenatkan sahaja.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 18
TUNTUTAN UNTUK BERINTERAKSI DENGAN ORANG BUKAN ISLAM

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Katakanlah 'Wahai Orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku'." (Al-Kaafiruun : 1-6)

Fiqh Dakwah

1. Allah taala mendedikasi satu surah khusus bagi menerangkan prinsip bahawa orang Islam tidak boleh mengikuti cara keagamaan golongan bukan Islam dan dasar toleransi beragama dalam Islam. Dalam surah ini, tiada mesej lain kecuali mesej tersebut. Ini menunjukkan betapa pentingnya mesej ini bagi umat Islam.

2. Surah ini bukan hanya mengajar umat Islam agar tidak mengikuti amalan keagamaan penganut agama lain tetapi juga mengajar umat Islam agar menghormati dan menjamin kebebasan mereka untuk melaksanakan amalan agama mereka - 'Untukmu agamamu, dan untukku agamaku'.

3. Pernyataan dalam surah ini 'Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah.....Untukmu agamamu, dan untukku agamaku' bukanlah anjuran agar umat Islam mengasingkan diri dari golongan bukan Islam semata-mata untuk menjaga kemurnian amalan agamanya dan untuk mengelakkan campur aduk dengan amalan bukan Islam. Pengertian dalam surah ini tidak seharusnya menjadikan pendakwah ekslusif kepada masyarakatnya sahaja.

4. Sebaliknya surah ini ialah anjuran untuk pendakwah sentiasa berinteraksi *(engage)* dengan golongan bukan Islam sebagai sebahagian dari misi dakwahnya. Mengapakah prinsip ini dijelaskan? Kerana bagi meletak garis pandu bagi pendakwah dalam berinteraksi dan bermuamalah dengan golongan bukan Islam. Tanpa interaksi dan muamalah, tiada keperluan kepada prinsip ini. Prinsip ini tidak dijelaskan dalam satu situasi yang kosong *(vacuum).* Sejarah turun surah ini juga menjelaskan bahawa ia diturunkan sebagai natijah dari interaksi dan muamalah Rasulullah s.a.w dalam berdakwah kepada golongan bukan Islam.

5. Ertinya surah ini memberi pengertian bahawa umat Islam hendaklah berusaha untuk berinteraksi dengan golongan bukan Islam pada misi dakwahnya tetapi perhatikanlah prinsip ini.

6. Dalam situasi masyarakat Islam juga berada dalam kejahilan terhadap agama, usaha dakwah terbahagi antara keperluan dakwah kepada masyarakat Islam dan dakwah kepada bukan Islam. Oleh kerana Islam adalah agama yang seimbang, maka pendakwah juga haruslah mengambil sikap yang seimbang antara dua tuntutan ini. Setiap pendakwah dan gerakan dakwah haruslah mempunyai peranan dalam dakwah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Kadar dan peratusan yang diberi kepada setiap satu mungkin berbeza-beza mengikut pertimbangan masing-masing tetapi peranan dalam kedua-dua bidang itu mesti ada. Jika kita hanya sibuk dengan usaha dakwah kita kepada masyarakat Islam sahaja, apakah jawaban kita nanti jika di akhirat seorang bukan Islam membela dirinya dari dihumban ke neraka dengan mengadu kepada

Allah taala bahawa dia sememangnya tidak pernah mendengar mengenai Islam dari mana-mana pihak di sini, dan didapati pembelaan dia benar?

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 19
ANTARA HARAPAN & KEKESALAN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan hanya kepunyaan Allah, apa sahaja yang ada dilangit dan apa yang ada di bumi supaya dia memberi balasan kepada orang yang berbuat jahat terhadap apa yang mereka kerjakan dan memberi balasan kepada orang yang berbuat baik dengan pahala yang baik (syurga). (Iaitu) orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan keji yang selain dari kesalahan-kesalahan kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunannya dan Dia lebih mengetahui (tentang keadaan) mu ketika Dia menjadikan kamu dari tanah dan ketika kamu masih janin dalam perut ibumu maka janganlah kamu mengatakan dirimu suci. Dialah yang paling mengetahui tentang orang yang bertakwa." (An-Najm : 31-32)

Fiqh Dakwah

1. Manusia di sisi Allah taala berbeza-beza. Ada yang melakukan dosa besar, ada yang sentiasa melakukan kebaikan yang banyak dan ada yang melakukan dosa-dosa kecil. Allah taala juga membalas amalan mereka berbeza-beza - ada yang diazab, ada yang diberi ganjaran syurga dan ada yang mendapat keampunan, walau pun melakukan dosa. Pendakwah juga mestilah membeza-bezakan jenis manusia dan melayan mereka sejajar dengan layanan Allah taala terhadap mereka - bersikap keras, bersikap lembut dan pemaaf. Menyamaratakan manusia dan layanan terhadap mereka tidak sejajar dengan perlakuan Allah taala.

2. Kita bukan sahaja dianjurkan untuk berbuat baik tetapi berbuat ihsan (lafaz asal *Ahsanuu*) dalam beribadah.

3. Allah taala mengakui bahawa manusia akan jatuh dalam dosa dan bersedia untuk mengampunkannya asal sahaja mereka mahu memohon keampunanNya. Kehinaan sebenar bukan terletak kepada perlakuan dosa tetapi terletak kepada keengganan untuk mengakui perlakuan itu, menyesalinya dan memohon keampunan terhadapnya. Begitulah sikap pendakwah kepada pelaku dosa – menerima kelemahan mereka dan mencetuskan harapan.

3. Allah taala memberi pengharapan kepada manusia yang ikhlas dalam beriman dan kekal dalam beribadah tetapi jatuh dalam dosa-dosa kecil kerana kelemahan semulajadi seorang insan, dengan keampunan. Janganlah pula para pendakwah menafikan pengharapan ini dari golongan seperti ini dengan mencela, mengkritik dan menyisih manusia yang jatuh dalam kelemahan diri. Kadangkala dalam usaha seorang pendakwah mendidik anak buahnya, dia menjadi terlalu keras

sehingga menuntut anak buahnya dengan sesuatu yang tidak realistik dan sejajar dengan fitrah manusia. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

"Berikan berita gembira dan jangan membuat mereka lari..." (Riwayat Al-Bukhari)

4. Pendakwah hendaklah sentiasa menghidupkan dalam diri rasa takut terhadap dosa, walau sekecil mana sekalipun. Namun, apabila didapati seseorang itu jatuh dalam dosa, hendaklah memberi pengharapan kepada mereka akan rahmat dan keampunan Allah taala. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

"Allah taala berfirman 'Wahai anak Adam, sesugguhnya jika engkau berdoa dan berharap kepadaKu, nescaya Aku akan ampunkan dosa untukmu atas apa yang telah kau lakukan dan Aku tidak akan peduli. Wahai anak Adam, sekiranya dosa kamu mencapai setinggi langit, kemudian kau memohon ampun kepadaKu, nescaya Aku akan mengampunkan kau. Wahai anak Adam, jika kau mendatangiKu dengan dosa sepenuh dunia kemudian kau bertemuKu tanpa mensyirikkanKu, Aku akan mendatangi kau dengan kemapunan sepenuh dunia." (Riwayat Muslim)

5. *"Janganlah kamu mengatakan dirimu suci. Dialah yang paling mengetahui tentang orang yang bertakwa."* Islam melarang sikap 'mensucikan diri' *(hollier than thou).* Ingat! Allah taala memasukkan wanita pelacur ke dalam syurga kerana membantu seekor anjing yang kehausan. Allah taala mengampunkan dosa seorang yang telah membunuh 100 jiwa kerana mati dalam perjalanan untuk bertaubat. Pendakwah yang merasa banyak amal dakwahnya, banyak ibadahnya, banyak ilmunya tetap tidak terjamin syurga bagi dirinya kerana sehasta baki umur yang dia ada, digunakan untuk melakukan amal ahli neraka lalu diambil nyawanya, boleh menghapuskan segala amal yang dahulu.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 20
UNSUR KEKUATAN BAGI PENDAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Wahai orang yang berselimut (Muhammad)! Bangunlah (untuk sembahyang) di malam hari kecuali sedikit (daripadanya). (Iaitu) seperdua atau kurangilah dari seperdua itu sedikit. Atau lebih dari seperdua itu dan bacalah Al-Quran itu dengan perlahan-lahan. Sesungguhnya bangun di waktu malam adalah lebih tepat (untuk khusyu') dan bacaan di waktu itu lebih berkesan. Sesungguhnya kamu pada siang hari mempunyai urusan yang panjang (banyak). Sebutlah nama Tuhanmu dan beribadatlah kepadaNya dengan penuh ketekunan. (Dialah) Tuhan masyriq dan maghrib, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, maka ambillah Dia sebagai pelindung. Dan bersabarlah terhadap apa yang mereka ucapkan dan jauhilah mereka dengan cara yang baik." (Al-Muzammil : 1 - 10)

Fiqh Dakwah

1. Ayat-ayat Allah taala adalah berat dari segi amanah dan beban bagi rohani manusia. Manusia memerlukan kekuatan untuk memikulnya. Oleh kerana dakwah adalah melaksanakan ayat Allah taala dan menyampaikannya, maka dakwah juga adalah tugas yang berat yang memerlukan kekuatan.

2. Bagi memiliki kekuatan untuk menunaikan tugas dakwah, perlulah ada persiapan. Ayat-ayat ini mengajar persiapan mental, rohani dan karakter bagi pendakwah.

3. Persiapan mental ialah memahami bahawa dakwah adalah tugas yang berat dan sukar. Faktor dalaman yang memberatkan ialah besarnya amanah dan pertanggungjawaban. Faktor luaran yang memberatkan ialah gangguan dan ejekan manusia.

4. Persiapan rohani ialah dengan bersolat malam, membaca Al-Quran, berzikir dan ibadah umum yang lain. Pendakwah mestilah mempunyai program bagi melaksanakan amal-amal ini bagi memastikan kewujudan kekuatan yang berterusan bagi istiqamah di jalan dakwah. Sebagaimana pendakwah tekun dalam projek dakwah, dia juga mesti tekun dalam amal ibadahnya. Rasulullah s.a.w orang yang paling sibuk dengan tugas dakwah tetapi tidak lengah dengan ibadah fardinya. Jangan jadikan kesibukan melaksanakan projek dakwah sebagai alasan untuk meninggalkan amal fardi. Dalam beribadah, kita dianjurkan agar mempelbagaikannya bagi mengelakkan dari jemu dan bosan. Jika sudah penat bersolat, gantikan dengan bertilawah atau berzikir, jika telah penat bertilawah gantikan pula dengan zikir dan ibadah lain dan seterusnya.

5. Persiapan karakter ialah dengan membina rasa kebergantungan terhadap Allah taala sebagai sebaik pelindung, memiliki sifat sabar dan keindahan akhlaq. Allah taala bukan hanya memerintahkan pendakwah agar menjauhi tingkah laku manusia yang ingkar tetapi juga memerintah agar menjauhinya dengan cara yang baik. Mengkemudiankan perintah sabar dan menjauhi manusia ingkar sesudah perintah melaksanakan pelbagai ibadah memberi pengajaran bahawa pembinaan karakter dan sifat sedemikian mempunyai kaitan dengan ibadah-ibadah tadi. Pendakwah yang malas beribadah akan kurang kebergantungan kepada Allah taala, kurang sabar dan tidak halus budinya. Ertinya juga, ibadah seorang pendakwah mestilah mestilah memberi kesan kepada jiwa dan karakternya.

6. Tarbiyah haruslah mengiringi dakwah. Keduanya adalah dua wajah duit yang tidak terpisah.

7. Ayat ini juga secara khusus mengajar pentingnya solat di waktu malam bagi pendakwah. Ini dapat disimpulkan dari

a. Ayat-ayat di atas adalah antara wahyu awal yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Sebelum solat lima waktu, solat malam telah diperintahkan.

b. Solat malam pernah diwajibkan tetapi kemudiannya disunatkan bagi umat Islam sebagai rahmat dari Allah taala. Ini menunjukkan kepentingannya.

c. Allah taala menyebut tiga masa untuk solat malam - lebih dari seperdua malam, seperdua malam atau kurang sedikit dari seperdua. Ertinya kalau tidak boleh lakukan banyak, lakukan walau sedikit.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 21
AMAL JAMA`II & BEKERJASAMA UNTUK DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan orang-orang beriman lelaki dan orang-orang beriman perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong dari sebahagian yang lain, mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma`ruf, mencegah yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana." (At-Taubah : 71)

Fiqh Dakwah

1. Orang lelaki dan perempuan adalah sedarjat dari segi taklif dan pertanggungjawaban dalam perkara *amar ma`ruf* dan *nahi munkar* (dakwah) serta *amal jama`ii*.

2. Apabila Allah taala mensifatkan orang mukmin lelaki dan perempuan penolong bagi satu dan yang lain ia merupakan anjuran terhadap beramal secara kolektif *(jama`ii).*

3. Beramal jama`ii adalah sifat seorang mukmin dan tanda kesempurnaan iman.

4. Ayat ini sepatutnya menjadi motivasi yang kuat bagi istiqamah dalam amal *jama`ii,* membangun jaringan kerjasama, sinergi dan pakatan sesama individu muslim dan badan-badan Islam dan menjadikan usaha ini dan agenda ke arah penyatuan sebagai satu perkara yang penting. Ini adalah kerana pada kerjasama dan usaha ini dijanjikan rahmat dari Allah taala. Apakah yang lebih besar bagi seorang mukmin dari memperolehi rahmat Allah taala? Sememangnya dalam beramal jama`ii, bekerjasama dan sinergi mempunyai kelecehan, kerenah dan kepayahan yang bukan kecil, maka sebab itulah ganjarannya juga besar. Sesungguhnya rahmat Allah dan syurgaNya itu mahal dan perlu dibayar dengan harga yang setimpal.

5. Meninggalkan sebuah organisasi yang tidak lagi relevan atau korup adalah wajar. Namun tidak wajar meninggalkan amal jama`ii kerana organisasi Islam bukan satu.

6. Oleh kerana ayat di atas jelas sekali menetapkan bahawa kaum perempuan mempunyai peranan yang sama penting dan pertanggungjawaban yang sama juga dengan kaum lelaki dalam dakwah dan perjuangan, maka ia seharusnya mendorong kaum perempuan untuk berfikir bagaimana mereka dapat memainkan peranan ini menjangkau dari setakat menjadi ibu kepada anak-anak dan isteri kepada si suami.

7. Atas dasar sifat tolong menolong, kaum lelaki wajib membantu dan memudahkan bagi anak-anak perempuan dan isteri-isterinya untuk terlibat dalam usaha dakwah di luar rumah pada batas-batas syara' dan tidak menyulitkan mereka atau memonopoli kesolehan mereka hanya untuk diri dan keluarganya sahaja.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 22
PERANAN RAKAN SEPERJUANGAN DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan jadikanlah aku seorang pembantu dari kalangan keluargaku. (Iaitu) Harun, saudaraku. Teguhkan dengan dia kekuatanku. Dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku. Supaya kami banyak bertasbih kepada Engkau. Dan banyak mengingat Engkau. Sesungguhnya Engkau Maha Melihat (keadaan) kami." (Taha : 29 - 35)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini menceritakan bagaimana nabi Musa a.s meminta Allah taala agar diberi pendokong dalam kerja dakwah dan mensifatkan sifat pendokong dakwah yang baik.

2. Sebagaimana dakwah itu perlu dilakukan secara berjamaah, pendakwah secara individu juga memerlukan pendokong atau rakan / beberapa rakan yang rapat dalam perjuangan.

3. Oleh kerana setiap mukmin itu pembantu bagi mukmin yang lain dalam urusan *amar makruf* dan *nahi munkar*, maka perlulah seorang mukmin untuk menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat seorang rakan seperjuangan / pendokong dakwah yang baik - sifat 'Harun' bagi nabi Musa a.s.

4. Sebagai rakan seperjuangan, kita mestilah memainkan peranan berikut

a. Meneguhkan saudara kita dalam usaha dakwah dengan membantu dia melalui pelbagai cara. Kehadiran kita bersama saudara kita hendaklah menatijahkan rasa kekuatan dalam diri saudara kita. Kehadiran kita merupakan aset bukan beban kepada saudara kita.

b. Sentiasa bersama dalam kerja. Bukan rakan seperjuangan yang sebenar, jika kita sentiasa membiarkan saudara bersendirian melaksanakan kerja dakwah sedangkan kita berehat di rumah. Bukan rakan seperjuangan yang sebenar, jika kita tidak merasa bersalah untuk datang lewat atau pulang awal sehingga saudara kita harus memikul kerja yang lebih dari kita untuk menyempurnakan sesuatu urusan. Bukan rakan seperjuangan yang sebenar, jika kita sentiasa menolak kerja kepada saudara kita sehingga kerja kita menjadi kerja dia dan kerja dia kekal menjadi kerja dia.

c. Saling mentarbiyah untuk mendekatkan diri kepada Allah taala dengan tasbih dan zikir. Sebagai rakan seperjuangan, kita menjadi inspirasi bagi saudara kita untuk beribadah dan menggandakan amal bukan melekakan dia atau menjadi sumber *lagho* (kelalaian).

d. Kehadiran kita memantapkan perasaan bahawa Allah taala sentiasa melihat perbuatannya.

5. Kita hendaklah menjadi sumber kekuatan, motivasi, bantuan dan tazkirah. Kita adalah cermin bagi saudara kita dan dia adalah cermin bagi kita dan rakan seperjuangan di jalan dakwah.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 23
APABILA DIKURNIAKAN KEMENANGAN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Apabila telah datang bantuan Allah dan kemenangan. Dan kau melihat manusia masuk ke agama Allah secara beramai-ramai. Maka Bertasbihlah dengan memuji Tuhan kamu dan pohonlah keampunan (beristighfar). Sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat." (An-Nasr : 1 -4)

Fiqh Dakwah

1. Kemenangan dan kejayaan dalam usaha dakwah, apa pun projeknya, adalah datang dari Allah taala dan atas bantuanNya. Jangan sekali-kali lupa akan hakikat ini. Jangan sampai keseronokan dan kegembiraan dengan kejayaan mengkaburkan mata pendakwah, sehingga dia hanya melihat usaha, penat lelah dan peluhnya sahaja dalam menjayakan projek dakwah. Sedangkan pada ketika tertekan kerana mengurus projek dakwah, doanya panjang memohon kemudahan dan bantuan Allah taala.

2. Namun *nasr* (bantuan) dan *fath* (kemenangan) dalam dakwah yang penting ialah apabila manusia masuk ke agama Allah beramai-ramai. Ini memberi indikasi bahawa inti pati kejayaan dakwah ialah kesannya terhadap manusia, bukan semata-mata dilihat pada kecanggihannya atau kelicinan pengurusannya. Berpada dengan kecanggihan dan kelicinan pengurusan dalam projek dakwah tanpa mengukur kesan dan sumbangannya kepada manusia akan menjadikan pendakwah tertipu dengan kerjanya.

3. *Nasr* (bantuan) Allah taala mendahului *fath* (kemenangan). Tanpa *nasr* (bantuan), tiada *fath* (kemenangan). Ramai manusia yang berusaha, hatta dalam perkara yang bercanggah dengan agama, dan berjaya. Namun pendakwah bukan hanya mencari kejayaan tetapi kejayaan yang diperolehi dari bantuan Allah taala. Ini bermaksud bahawa dalam proses mencari kejayaan mestilah mengambil wasilah-wasilah yang sesuai dengan ajaran agama kerana bantuan Allah taala tidak akan disalurkan kecuali melalui wasilah sedemikian.

4. Allah taala mengajar adab apabila menerima kejayaan, iaitu banyak bertasbih dan beristighfar. Tasbih dan istighfar adalah lambang kesyukuran dan kerendahan diri. Pendakwah diminta agar tawadhu' dalam meraikan kejayaan. Anjuran bertasbih dan beristighfar mendidik pendakwah agar sentiasa mengekalkan hubungan yang baik dengan Allah taala sepanjang masa - waktu susah dan senang.

5. Dianjurkan bertasbih untuk mengakui bantuan Allah taala. Kenapa pula anjurkan istighfar? Sebagai manusia, akan melakukan kesilapan, sedar atau tidak, maka sebab itu kita dituntut agar beristighfar atas kesalahan samada pendakwah tahu atau tidak. Bahkan anjuran istighfar itu menuntut pendakwah untuk mengakui bahawa dia pasti ada melakukan kesilapan, walau pun tidak diketahui secara khusus. Dengan anjuran istighfar, ia menuntut pendakwah untuk bermuhasabah kerana manusia disuruh beristighfar atas dosa. Oleh itu, dalam beristighfar akan mendorong untuk pendakwah berfikir apakah kesilapan yang telah dia lakukan, untuk dipohon keampunannya dan untuk dibaiki.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 24
MEMBERI GANJARAN DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"(Mereka mengerjakan yang demikian itu) Supaya Allah memberi balasan kepada mereka (dengan balasan) yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan, dan supaya Allah menambah kurniaNya dengan mereka. Dan Allah memberi rezki kepada sesiapa yang dikehendakiNya tanpa batas." (An-Nur : 38)

"Dan orang-orang beriman dan beramal soleh, benar-benar akan Kami hapuskan dari mereka dosa-dosa mereka dan benar-benar akan Kami beri mereka balasan yang lebih baik dari yang mereka kerjakan." (Al-`Ankabut : 7)

"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai, seratus biji. Allah melipat gandakan bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurniaNya) lagi Maha Mengetahui." (Al-Baqarah : 261)

Fiqh Dakwah

1. Ayat-ayat diatas memberi gambaran mengenai sifat pemurah bagi Allah taala dalam memberi ganjaran kepada hamba-hambanya yang telah berkhidmat di jalanNya. Terdapat banyak ayat yang seumpama di atas dalam Al-Quran.

2. Satu karakteristik yang ditonjolkan ialah Allah taala sentiasa membalas kebaikan dengan balasan yang lebih baik dan berganda-ganda.

3. Pendakwah tidak bekerja di jalan dakwah ini dengan mengutamakan ganjaran dunia. Namun dalam menjayakan usaha dakwah, pendakwah akan sentiasa memerlukan sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak. Baik pihak itu sebagai staf, aktivis atau ahli keluarga.

4. Sebagai mencontohi kemuliaan sifat Allah taala dan tanda kehalusan budi, berikanlah ganjaran yang terbaik bagi setiap khidmat, sokongan dan bantuan yang telah diberikan. Sesungguhnya mereka yang tidak berterima kasih kepada manusia, dia tidak berterima kasih kepada Allah taala.

5. Dalam memberi ganjaran yang terbaik, ia juga haruslah dilakukan dengan cara yang tidak berlebih-lebihan dan tidak kikir (Al-Furqan : 67) dan pada batas kemampuan.

6. Di saat manusia tidak mampu memberi ganjaran yang baik atau tidak bersyukur atas usaha baik yang telah dilakukan, pendakwah tidak sekali mengubah pendiriannya bahawa apa yang ada di sisi Allah taala itu lebih baik dan besar dan Allah taala tidak akan sekali-kali mengabaikannya atau mensia-siakan amalannya.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 25
DAKWAH MEMERLUKAN PELBAGAI PEMAIN PERANAN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang beriman itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga diri." (At-Taubah : 122)

Fiqh Dakwah

1. Hukum asal menetapkan tidak wajar seluruh tenaga umat Islam diterjunkan ke medan perang. Perlulah ada segelintir yang berada di garis belakang memainkan peranan lain. Ini menunjukkan bahawa perjuangan Islam bukan terhad hanya pada jihad bersenjata semata-mata, walau pun ia adalah satu amal yang termulia. Ini juga mengajar pendakwah bahawa perjuangan Islam memerlukan pelbagai pendekatan dan pemain peranan.

2. Dalam kehidupan ini, hendaklah pendakwah memastikan bahawa ia memainkan sekurang-kurangnya salah satu dari 3 peranan utama; berjihad di medan perang, mendalami ilmu agama dan memberi peringatan kepada kaumnya. Manusia yang paling beruntung ialah yang dapat menggabungkan ke tiga-tiga peranan itu dalam hidupnya.

3. Ayat ini juga memberi indikasi bahawa hendaklah ada dalam umat Islam tiga kelompok manusia; *mujahid* (pejuang), *faqih* (ahli ilmu / ulama) dan *munzir* (pemberi peringatan / pendakwah).

4. Ayat ini juga menjadi dasar bagi amalan pengagihan kerja dan tugas *(distribution of labour)* dalam dakwah dan delegasi kerja.

5. Para mujahid walau pun memperoleh kemuliaan di atas mereka yang tidak keluar berjihad tetapi hendaklah memahami bahawa dalam kesibukan mereka di medan jihad, mereka mungkin telah terlepas peluang untuk mendalami ilmu atau perkembangan semasa. Oleh itu, hendaklah merendah diri untuk mendengar peringatan dari orang lain. Kemulian bagi seorang mujahid tidak menjadikannya tahu segala perkara atau layak dalam semua bidang.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 26
KECELAAN BAGI MEREKA YANG MENCARI ALASAN DARI BERDAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Orang-orang yang beriman kepada Allah taala dan hari kemudian, tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak ikut) berjihad dengan harta dan diri mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang bertakwa. Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah taala dan hari kemudian dan hati mereka ragu-ragu kerana itu mereka selalu bimbang dalam keraguannya. Dan jika mereka mahu keluar (berjihad), tentulah mereka menyiapkan persiapan untuk keberangkatan itu, tetapi Allah tidak menyukai keberangkatan mereka, maka Allah melemahkan keinginan mereka dan katakan kepada mereka 'Tinggallah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal'." (At-Taubah : 44 - 46)

Fiqh Dakwah

1. Terdapat kaitan antara iman kepada Allah taala, iman kepada Akhirat, kesungguhan untuk berjihad dan ketaqwaan. Kekurangan pada satu aspek akan menjejas aspek yang lain.

2. Seorang mukmin yang ikhlas terhadap agamanya tidak akan mencari alasan untuk tidak bersama dalam jihad dan tugas-tugas dakwah atau dengan mudah memberi keuzuran.

3. Mereka yang sentiasa memberi alasan dan keuzuran dalam jihad dan dakwah, ditakuti jatuh dalam kelompok golongan yang dimurkai oleh Allah taala.

4. Tanda keikhlasan dan komitmen kita kepada dakwah dan jihad ialah sentiasa membuat persediaan. Persediaan yang dimaksudkan meliputi segala aspek yang termampu - simpanan kewangan, bekal dan kekuatan jasmani.

5. Hal ini adalah kerana dakwah dan jihad menuntut kekuatan dan kesihatan jasmani. Maka menjadi kewajiban pendakwah untuk menjaga kesihatan dan tahap kecergasan diri bagi membolehkan ia melaksanakan jihad dan tugas dakwah dan sebagai sebahagian dari menunaikan perintah untuk bersedia. Kelalaian pendakwah dalam hal ini ditakuti menjerumuskan dirinya ke dalam kelompok yang dicela oleh Allah taala kerana lalai dalam persediaan.

6. Sungguh ironis, bagi pendakwah yang berdoa dan menangis untuk mati syahid tetapi jasmaninya lemah dan tidak cergas kerana tidak menjaga kesihatan diri dan tidak ada masa untuk bersenam.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 27
MENGAMBIL BERAT DAN PENGASIH ADALAH SIFAT UTAMA PENDAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselataman) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin. Jika mereka berpaling (dari keimanan) maka katakanlah 'Cukuplah Allah bagiku, tidak ada Tuhan selain Dia. Hanya kepadaNya aku bertawakkal dan dia adalah Tuhan yang memiliki `*arsy* yang agung." (At-Taubah : 128-129)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini menjelaskan sikap dan perasaan Nabi s.a.w terhadap semua umatnya yang beriman dan tidak beriman.

2. Oleh kerana Nabi s.a.w adalah contoh terbaik bagi para pendakwah, maka patutlah para pendakwah memupuk sikap yang sama dalam diri.

3. Allah taala menyenaraikan sikap dan perasaan Nabi s.a.w kepada yang umum dari umatnya dan kepada yang beriman sahaja.

4. Sikap dan perasaan Rasulullah s.a.w kepada semua umatnya ialah
   - rasa berat terhadap penderitaan mereka
   - saat menginginkan keimanan dan keselamatan bagi mereka

5. Sikap dan perasaan Rasulullah s.a.w kepada umatnya yang beriman ialah
   - belas kasihan
   - penyayang

6. Walaupun Rasulullah s.a.w merasa belas kasihan dan menyayangi orang beriman tetapi beliau tidak membenci umatnya yang kufur. Bahkan beliau sentiasa merasa kasihan atas kekufuran mereka dan mengharap hidayah untuk mereka. Rujuk Yusuf : 103 dan Yunus : 99. Hal ini walau pun, beliau sentiasa menghadapi pelbagai tentangan dari kaumnya yang kufur. Pelbagai insiden dalam sirah beliau yang menceritakan balasan baik beliau terhadap kekasaran umatnya adalah penjelasan terhadap sikap yang diterangkan dalam ayat ini.

7. Rasulullah s.a.w bukan hanya perihatin terhadap persoalan keagamaan umatnya tetapi juga persoalan keduniaan mereka seperti makan minum, kesulitan hidup, musibah dan lain-lain. Terdapat banyak contoh bagaimana Rasulullah s.a.w perihatin terhadap para sahabat yang miskin, belum berumahtangga dan ditimpa musibah.

8. Pendakwah hendaklah mempunyai perasaan yang sensitif dan peka terhadap nasib masyarakat. Sebagaimana Rasulullah s.a.w, pendakwah tidak sepatutnya hanya sibuk dan menangani masalah keagamaan dalam masyarakat tetapi juga urusan kehidupan seharian. Sebagaimana kita perihatn samada ahli masyarakat kita bersolat dan berpuasa kita harus turut perihatin atas kemiskinan, pengangguran dan sakit yang menimpa mereka. Dalam erti kata lain, pendakwah tidak wajar mempunyai sikap *'apathy'* dan *'indifferent'* terhadap apa yang berlaku dalam masyarakatnya.

9. Walau pun sebagai pendakwah kita sentiasa berharap agar manusia bersamanya dalam dakwah dan mengharapkan kebersamaan mereka dalam berjamaah, namun pergantungan bagi pendakwah hanyalah kepada Allah taala semata-mata. Keengganan manusia untuk bersamanya dalam dakwah sedikit pun tidak menggugat komitmennya terhadap perjuangan ini. Oleh itu, dia tidak mengeluh jika bersendiri atau merasa sepi, kerana cukup baginya Allah taala, sebaik-baik pembantu dan penyokong.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 28
PRO-AKTIF DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan tiada (pula dosa) atas orang-orang yang apabila mereka datang kepadamu, supaya kamu memberi kenderaan, lalu kamu berkata 'Aku tidak memperoleh kenderaan untuk membawamu', lalu mereka kembali sedang mata mereka bercucuran air mata kerana kesedihan, lantaran mereka tidak mempunyai apa yang dapat mereka nafkahkan. Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkah) hanyalah terhadap orang-orang yang meminta izin kepadamu, padahal mereka itu kaya. Mereka rela berada bersama orang-orang yang tidak ikut berperang dan Allah telah mengunci, mati hati mereka, maka mereka tidak mengetahui (akibat perbuatan mereka)." (At-Taubah : 92-93)

Fiqh Dakwah

1. Seorang mukmin yang menghayati tanggungjawabnya terhadap dakwah dan perjuangan di jalan Allah taala akan sentiasa berusaha untuk memberi sumbangan dan terlibat di dalam usaha tersebut, walau pun hakikatnya dia mempunyai keuzuran atau tidak berkemampuan.

2. Mukmin yang ikhlas terhadap perjuangan di jalan Allah taala akan menangis apabila terlepas peluang atau tidak diberi peluang untuk bersama dalam perjuangan.

3. Maka sikap yang sedemikian adalah tanda komitmen seseorang terhadap perjuangan dan menjadi ukurtara dalam pentarbiyahan untuk melahirkan pendakwah. Inilah sifat manusia yang telah mewakafkan dirinya untuk dakwah. Manusia yang hidupnya untuk kerana dakwah dan dakwah hidup kerananya.

4. Sebaliknya, Allah mencela mereka yang sentiasa mencari keuzuran di jalan perjuangan. Mereka yang berterusan seperti ini setelah diberi peringatan, menanggung risiko untuk dimatikan hatinya, sehingga ia akan terus selesa dan bergembira setiap kali mendapat alasan untuk dikecualikan dari tugas perjuangan di jalan Allah taala.

5. Orang yang sentiasa mencari alasan dalam perjuangan adalah manusia yang hatinya sakit sehingga kalau pun ia mampu atau mempunyai keupayaan untuk memberi sumbangan, ia akan tetap mengelak dan melarikan diri.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 29
DASAR MEMILIH ANTARA DUA MUDHARAT

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Maka berjalanlah keduanya hingga tatkala keduanya menaiki perahu lalu dia (Khidr) melobanginya. Musa berkata 'Mengapa kamu melobangi perahu itu yang akibatnya kamu menenggelamkan penumpangnya'. Sesungguhnya kamu telah buat sesuatu kesalahan yang besar'." (Al-Kahfi : 71)

"Adapun kapal itu adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut dan aku bertujuan merusakkan bahtera itu kerana di hadapan mereka ada seorang raja yang merampas tiap-tiap kapal." (Al-Kahfi : 79)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini menerangkan satu kejadian yang dialami oleh nabi Musa a.s dan Khidr. Khidr telah membocorkan kapal tanpa menjelaskan sebabnya sehingga ditegur oleh nabi Musa a.s. Di akhir pertemuan mereka berdua, Khidr menerangkan bahawa dia memecahkan kapal berkenaan agar ia tidak dirampas oleh raja yang zalim. Walau pun perbuatan memecahkan kapal itu telah merosakkan kapal milik orang miskin tetapi ia telah menyelamatkan kapal itu dari terus hilang dari pemiliknya yang miskin. Walau pun kapal itu rosak, tetapi si miskin masih tetap memilikinya. Kerosakan itu boleh dibaiki atau kayu-kayu kapal itu masih boleh bermanfaat bagi si miskin dan ini lebih baik dari kalau kapal itu dirampas oleh raja.

2. Ayat ini menjadi dasar kepada kaedah 'Jika bertemu dua kemudaratan, maka diharuskan untuk menanggung kemudaratan yang lebih ringan'.

3. Mengapakah Khidr tidak memilih untuk menghalang raja dari merampas kapal itu? Tidakkah dengan buat sedemikian ia tidak perlu merosakkan kapal itu? Hanya Allah taala sahaja yang tahu jawaban sebenarnya. Namun ia memberi pengajaran kepada pendakwah bahawa kadangkala dalam usaha dakwah pilihan yang terbaik yang ada baginya ialah bukan dengan berkonfrontasi langsung dengan punca masalah tetapi melakukan sesuatu yang lain atau menanggung salah satu dari mudarat yang lebih ringan.

4. Apabila seseorang itu memilih jalan untuk menanggung salah satu dari dua mudarat yang lebih ringan, itu tidak bermakna dia itu lemah, kurang wara', takut dan sebagainya. Ini adalah satu pilihan yang pastinya sukar tetapi pendakwah yang objektif harus berani membuat pilihan sedemikian.

5. Kadangkala pendakwah perlu buat tindakan yang tidak popular demi maslahat dakwah dan orang ramai, sebagaimana yang dilakukan oleh Khidr, kerana amal dakwah berdasarkan maslahat syariat bukan populariti semata-mata.

6. Hatta nabi Musa a.s tidak tahu semua benda dan boleh tersilap dalam menanggapi sesuatu perkara. Oleh itu, setinggi mana sekali pun taraf seseorang, hendaklah dia mengakui bahawa dia mungkin tersalah seperti nabi Musa dan orang lain itu betul seperti Khidr. Sikap sedemikian juga mestilah

dibina oleh seorang pendidik terhadap anak buahnya. Dengan itu si anak didik, tidak merasa bahawa pendidiknya itu sentiasa betul dan berani untuk berbeza pandangan dengan pendidiknya.

7. Tanggapan seseorang dan tindakannya bergantung dengan apa yang dia tahu. Nabi Musa a.s mengkritik Khidr kerana dia tidak tahu apa yang diketahui oleh Khidr. Maka perlulah pendakwah memahami bahawa apa jua tanggapan dia terhadap sesuatu perkara, ia mungkin betul berdasarkan apa yang dia tahu tetapi tidak betul berdasarkan apa yang dia tidak tahu. Oleh sebab itu, perlulah berusaha untuk memperolehi sebanyak maklumat sebelum menanggapi sesuatu perkara.

8. Pendakwah masti terbuka untuk menerima kritikan. Apabila dikritik, tidak boleh cepat melenting kerana tidak semua orang tahu apa yang dia tahu atau faham apa yang dia lakukan. Apabila dikritik, berikanlah penjelasan dengan baik.

9. Boleh bagi pendakwah untuk tidak memberi penjelasan dahulu terhadap apa yang dia lakukan, jika dia mempunyai sebab yang wajar e.g mentarbiyah anak buah, strategi dll.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 30
MENCARI PUJIAN DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Janganlah sekali-kali kamu menyangka bahawa orang-orang yang gembira dengan apa yang telah mereka kerjakan dan mereka suka supaya dipuji terhadap perbuatan yang belum mereka kerjakan, janganlah kamu menyangka bahawa mereka terlepas dari siksa dan bagi mereka siksa yang pedih." (Ali Imran : 188)

Fiqh Dakwah

1. Walau pun asal ayat ini diturunkan ke atas Ahli Kitab dan orang-orang munafiq, namun keumuman ertinya mengajar pendakwah agar jangan cepat bergembira dengan usaha yang telah mereka buat dan jangan pula mencari kepujian dan kemuliaan dari apa yang dia tidak akukan.

2. Dalam larangan untuk bergembira terhadap apa yang telah dikerjakan mengandungi pesanan agar tidak cepat merasa selesa *(complacent).* Yang dituntut dari pendakwah ialah rasa syukur dan apabila kita memperkatakan tentang sesuatu tugas yang telah disempurnakan ia adalah atas dasar kesyukuran bukan *complacency.*

3. Dalam larangan untuk mencari pujian pada perkara yang tidak dilakukan,

selain ia merupakan adab yang perlu dipelihara oleh pendakwah, ia juga mengandungi garis pandu bagaimana gerakan dakwah mengusahakan program pembangunan imej dan perhubungan awamnya.

4. Seringkali dalam usaha untuk memberi gambaran imej yang positif dan mencapai objektif perhubungan awamnya, gerakan dakwah terdorong untuk membuat dakwaan-dakwaan terhadap pencapaian-pencapaian dengan sokongan statistik dan lain-lain. Amalan ini kadangkala tidak memberi gambaran sebenar atau merupakan dakwaan terhadap sesuatu yang bukan dari hasil usaha langsungnya. Ini adalah satu kecelaan yang perlu dijauhi. Dalam sebuah hadits Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud *"Sesiapa yang mendakwa satu dakwaan yang bohong agar membanyakkan manfaat dengannya, Allah tidak akan menambah baginya kecuali sedikit (kekurangan)." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)*

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 31
SUMBER-SUMBER KEKUATAN DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka Al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah taala mengetahui siapa yang menolong (agama)Nya dan rasul-rasulNya padahal Allah tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa." (Al-Hadid : 25)

Fiqh Dakwah

1. Allah taala mengaitkan golongan yang menolong agamaNya dengan

a. bukti-bukti nyata yang dibawa oleh para rasul
b. kitab suci
c. keadilan
d. besi

2. Bukti-bukti nyata merujuk kepada kekuatan minda kerana untuk memahami bukti dan mengemukakan kepada orang lain memerlukan minda intelektual yang baik.

3. Kitab suci merujuk kepada kekuatan manhaj, dasar dan prinsip perjuangan.

4. Keadilan merujuk kepada kekuatan nilai dalam diri dan misi perjuangan. Bahawa perjuangan ini ialah untuk keadilan dan ia mesti dilaksanakan sejajar

dengan nilai keadilan. Keadilan tidak akan boleh memperjuangkan misi yang zalim dan kezaliman tidak boleh mendasari usaha untuk menegakkan keadilan.

5. Besi merujuk kepada kekuatan kebendaan sekaligus juga kekuatan teknologi kerana galian tidak dapat dicanai menjadi besi tanpa penguasaan terhadap ilmu dan teknologi berkenaan.

6. Walau pun aqidah mendasari usaha untuk memenangkan agama Allah taala dan ia adalah kekuatan yang utama tetapi untuk memenangkan agamaNya memerlukan lebih dari hanya kekuatan aqidah.

7. Kesyumulan Islam menuntut agar jalan untuk memenangkannya juga syumul yang meliputi segala aspek kekuatan, cara dan strategi.

8. Oleh itu, ayat di atas tadi memberi garis besar akan apa yang perlu dibina dalam diri pendakwah dan apa yang perlu dibina dalam gerakan dakwah dalam rangka untuk memenangkan agama Allah taala.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 32
DAKWAH IALAH MEWUJUDKAN KESEIMBANGAN SOSIAL

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan peliharalah dirimu dari pada siksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang zalim sahaja di antara kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras siksaanNya." (Al-Anfaal : 25)

"Dan Allah sekali-sekali tidak akan mengazab mereka, sedang kamu berada di antara mereka. Dan tidaklah (pula) Allah akan mengazab mereka, sedang mereka meminta ampun." (Al-Anfaal : 33)

"Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri secara zalim sedang penduduknya orang-orang yang berbuat baik (musleh)." (Hud : 117)

Fiqh Dakwah

1. Kemungkaran yang bermaharajalela akan mengakibatkan turunnya azab dari Allah taala. Kewujudan sekelompok manusia yang dikasihi Allah taala akan menarik rahmatNya sebagaimana kewujudan Rasulullah s.a.w di tengah masyarakat Mekah.

2. Manusia berkenaan bukanlah hanya manusia-manusia soleh tetapi juga mereka yang musleh - yang berusaha untuk mengislah masyarakat. Manusia-manusia soleh yang hanya baik untuk diri sendiri dan tidak perihatin terhadap kerosakan dalam masyarakatnya tidak akan menarik rahmat Allah taala. Bahkan mereka turut bersama dalam azab yang menimpa.

3. Hal ini memberi gambaran bahawa insan muslim yang dikehendaki ialah insan yang soleh dan musleh.

4. Walau pun, dakwah bertujuan untuk menarik seluruh manusia ke jalan Allah taala. Namun dalam kehidupan realiti, ini tidak akan berlaku. Akan sentiasa ada manusia yang inkar dan menjauhi jalan Allah taala.

5. Apabila ekuilibirium antara kesolehan dan kemungkaran sosial tidak seimbang, kewujudan manusia musleh yang tidak memadai tidak akan mampu menahan azab Allah taala. Lihat Al-Anfaal : 25 di atas.

5. Oleh itu, yang minima yang harus dicapai oleh gerakan dakwah ialah kewujudan sekelompok manusia yang musleh yang mencukupi untuk menahan azab Allah taala dari menimpa. Agar dakwah dapat dijalankan dengan baik dan menjamin kesejahteraan hidup di dunia. Sekali lagi, ini berdasarkan dengan kewujudan Rasulullah dan sekelompok manusia yang masih beristighfar di Mekah.

6. Kadar minima ini tidak ditentukan sebagai hikmah bagi pendakwah untuk terus berusaha tanpa rasa complacent.

7. Memahami hakikat ini pastinya berguna dalam konteks dakwah di suasana umat Islam sedikit agar seimbang antara idealisme dan realiti.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 33
MENGUJI PENDAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Maka tatkala Thalut keluar membawa tentaranya, ia berkata "Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan satu sungai. Maka siapa di antara kamu meminum airnya, bukanlah ia pengikutku. Dan barangsiapa tidak meminumnya, kecuali menceduk kecuali menceduk seceduk tangan, maka ia adalah pengikutku."Kemudian mereka meminumnya kecuali beberapa orang di antara mereka. Maka tatkala Thalut dan orang-orang beriman bersama dia telah menyeberangi sungai itu, orang-orang yang telah minum berkata "Tak ada kesanggupan kami pada hari ini untuk melawan Jalut dan tentaranya." Orang-orang yang meyakini bahawa mereka akan menemui Allah berkata "Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah dan Allah berserta orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah : 249)

Fiqh Dakwah

1. Harus bagi pendakwah dan gerakan dakwah menguji aktivis-aktivis dakwah.

2. Ujian ini dilakukan untuk mentarbiyah para aktivis, menentukan kelayakan bagi sesuatu tugas, membersihkan gerakan dari elemen-elemen yang tidak sihat dan lain-lain.

3. Ujian dilakukan terhadap aspek keimanan, komitmen, kefahaman dan kekuatan fizikal.

4. Apabila ujian dilakukan, maka akan wujud kemungkinan mereka yang gagal. Dalam sesetengah ujian ini, kegagalan akan mengaibatkan keguguran dari jalan perjuangan.

5. Hakikat ini perlulah difahami agar pendakwah dan gerakan dakwah bersedia menghadapi konsekuen dari ujian yang dilakukan ke atas para aktivisnya. Dengan memahami hakikat ini, kekecewaan tidak akan menguasai diri setelah melihat hasilnya.

6. Sekiranya pendakwah dan gerakan dakwah tidak menguji para aktivisnya, ujian akan tetap berlaku kerana Allah taala menghendaki bahawa ujian adalah sebahagian dari sunnah di jalan dakwah.

7. Konsep yang sama juga dinyatakan dalam surah Al-Mumtahinah : 10.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 34
SUMBER-SUMBER KEKUATAN DAKWAH II

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan beristiqamahlah sebagaimana engkau (Muhammad) telah diperintahkan dan mereka yang bertaubat bersama kau dan janganlah kamu semua melampau, sesungguhnya Dia terhadap apa yang kamu lakukan maha melihat." (Hud : 112)

Fiqh Dakwah

1. Ayat yang ringkas ini mengandungi beberapa asas kekuatan bagi umat Islam, iaitu

a. Kekuatan komitmen. Ini dapat diambil dari kekata perintah beristiqamah. Sesungguhnya dalam istiqamah itu mengandungi tuntutan komitmen yang kuat. Tanpa komitmen, sukarlah seseorang itu untuk beristiqamah dengan agamanya, kerja dakwah dan organisasi yang dia berada.

b. Kekuatan manhaj/ideologi. Ini dapat dilihat dari kekata 'sebagaimana yang engkau telah diperintahkan', iaitu Islam. Islam adalah sumber kekuatan bagi

manusia dan umatnya. Para sahabat dahulu ramai yang hina tetapi dengan Islam mereka menjadi mulia. Maka untuk membina kekuatan dalam umat Islam, Islam tidak boleh diabaikan. Diperingkat peribadi dan organisasi, perlulah dipastikan bahawa usaha dakwah dilakukan bukan hanya dengan semangat tetapi diasaskan atas 'ideologi' yang mantap. Apabila seseorang berada dalam sebuah organisasi, maka perlulah ia bertanya apakah ideologi yang menjadi asas kerja organisasi itu dan sejauhmanakah kekuatan ideologi itu bila diuji.

c. Kekuatan akhlaq / spiritual. Ini dapat dilihat dari sifat taubat yang dinyatakan dalam ayat itu. Taubat adalah langkah untuk membersihkan rohani dari dosa. Kekuatan rohani tidak dicapai kecuali jika ia bersih. Taubat adalah puncak sifat rohani. Maka ia adalah simbol kekuatannya. Perjuangan yang tidak didokong oleh kekuatan rohani akan tidak tahan diuji.

d. Kekuatan berjamaah / ukhuwwah. Ini dapat dilihat dari kekata 'yang bersama kamu'. Ayat ini bermula dengan perintah kepada nabi Muhammad s.a.w lalu disertakan bersamanya orang-orang yang beriman, bagi menonjolkan elemen berjamaah. Tiada perjuangan yang dapat dijayakan tanpa usaha kolektif.

e. Kekuatan disiplin. Ini dapat dilihat dari perintah agar jangan melampau. Pelampauan berlaku apabila melanggar batas-batas yang ditetapkan. Pelampauan berlaku apabila tidak ada disiplin dalam diri atau organisasi dari melanggar batas. Pendakwah dan organisasi dakwah yang tidak disiplin tidak dapat diharapkan untuk memimpin kejayaan perjuangan ini. Tanpa disiplin boleh menatijahkan fatal dan pendek nafas bagi pendakwah dan organisasi dakwah.

f. Kekuatan muraqabah. Ini dapat dilihat dari pernyataan bahawa Allah taala maha melihat apa yang kita lakukan. Muraqabah adalah nilai yang mendasari sifat disiplin dalam diri. Kerana kesedaran terhadap Allah maha melihatlah, seseorang itu sentiasa menjauhi batas-batas yang dilarang, baik waktu sendirian atau terang-terangan. Dalam konteks organisasi dakwah, selain muraqabah dibina dalam diri, muraqabah juga dapat dilihat dalam erti proses pemantauan dan audit bagi menjaga kesolehan organisasi itu.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 35
PENDAKWAH HENDAKLAH BERMANFAAT BUKAN MENJADI BEBAN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan Allah (pula) membuat perumpamaan: dua lelaki yang seorang bisu, tidak dapat berbuat sesuatu pun dan dia menjadi beban atas penanggungnya, ke mana saja dia disuruh oleh penanggungnya itu, dia tidak dapat mendatangkan satu kebajikan pun, samakah orang itu dengan orang yang menyuruh berbuat keadilan, dia berada pula di atas jalan yang lurus?" (An-Nahl : 76)

Fiqh Dakwah

1. Islam mahukan agar seorang muslim tidak menjadi beban bagi orang lain dan masyarakatnya, sebaliknya menjadi seorang yang bermanfaat.

2. Demikianlah falsafah hidup seorang pendakwah bahawa dia harus sentiasa menjadi seorang yang bermanfaat, kontributif dan relevan kepada keluarga, masyarakat, negara dan organisasi yang dia berada. Dia tidak mahu kewujudannya hanya menambah pada angka semata-mata. Dia faham bahawa jika dia tidak bermanfaat, kontributif dan relevan dia menanggung risiko menjadi beban kepada keluarga, masyarakat, negara dan organisasinya. Tidak ada seorang pun dari meraka yang menggelarkan dirinya pendakwah patut menjadi seperti melukut di tepi gantang atau sesuatu yang wujudnya tidak dirasai dan ketiadaannya tidak dirasa rugi. Lebih buruk lagi, jika ketiadaannya itu melegakan hati.

3. Allah menggambarkan manusia pembeban ini dengan 'ke mana sahaja dia pergi, dia tidak mendatangkan satu kebajikan pun'. Ini memberi makna bahawa kebaikan pendakwah hendaklah meluas dalam konteks apa jua bukan hanya dalam sudut-sudut tertentu sahaja. Pendakwah tidak patut hanya bermanfaat bagi keluarganya tetapi menjadi beban bagi masyarakat dan negara pula atau bermanfaat bagi masyarakat tetapi beban bagi keluarga pula atau bermanfaat bagi keluarga dan masyarakat tetapi beban bagi negaranya.

4. Seorang itu dikatakan bermanfaat apa bila dia mendatangkan kebaikan, menyuruh kepada keadilan dan berada di jalan yang lurus. Bagi pendakwah, tiada jalan yang lurus kecuali Islam. Islam itu pula sebenarnya telah meliputi segala kebaikan dan keadilan. Namun Allah tetap menggunakan kekata kebaikan dan keadilan secara berasingan, kekata yang bersifat umum dan universal yang berbeza dari kekata 'solehat', 'bir', 'makruf' dsb yang mempunyai nuansa yang lebih khusus dan Islami.

Ini membayangkan bahawa bermanfaatnya pendakwah mestilah juga dirasai dalam konteks nilai-nilai sejagat. Kita bukan bersuara atas dasar agama sahaja tetapi juga nilai-nilai luhur yang dikongsi bersama oleh manusia. Kita bukan hanya membela agama sahaja tetapi juga membela nilai-nilai sejagat itu tadi.

5. Salah satu sifat bermanfaat ialah kekal relevan dan memberi kesan *(impact)* dengan situasi yang di mana si pendakwah berada. Kalau kebaikan yang dibawa dan diseru oleh pendakwah tidak relevan atau tidak dirasakan relevan atau tidak mencetus kesan *(impact)* oleh orang maka hampir samalah dengan tidak bermanfaat.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 36
DAKWAH MESTI HIDUP DALAM KEPELBAGAIAN

Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal." (Al-Hujurat : 13)

Fiqh Dakwah

1. Ayat di atas memberi pengisytiharan bahawa Allah taala dengan sengaja mencipta manusia penuh dengan kepelbagaian. Bahkan sifat kepelbagaian ini adalah sunnah alam keseluruhannya. Dalam Al-Quran, Allah taala menceritakan bahawa binatang itu berbagai-bagai, orang-orang beriman itu berbagai-bagai dan orang-orang kafir juga berbagai-bagai.

2. Ini mengajar pendakwah bahawa hakikatnya pluralisme dan *multi-culturalism* adalah sebahagian dari aturan hidup yang pendakwah mesti bersedia untuk hidup dengannya dan tidak melarikan diri darinya.

3. Allah taala menjelaskan bahawa kepelbagaian yang dicipta olehNya adalah untuk tujuan yang positif - saling kenal mengenali, bukan bertujuan negatif misalnya untuk saling bergaduh atau berperang antara satu sama lain.

4. Oleh itu, asal hubungan kita sesama manusia ialah atas dasar yang positif - ingin kenal, bermesra dll. Perang itu hanya ke atas mereka yang melakukan tindakan perang *(act of war).* Jika tiada tindakan perang, maka hukum perhubungan kembali kepada asas yang positif. Adapun sikap dengki dan jahat manusia ke atas pendakwah yang bukan berupa tindakan perang, ia dibalas samada dengan sesuatu yang lebih baik *(billati hiya ahsan)* atau kejahatan yang sama *(saiyiah mitsluha). Hazar (*sikap berhati-hati) adalah wajar, namun mengandaikan semua orang lain adalah musuh yang berdengki sikap yang lebih dekat kepada berlebih-lebihan.

5. Jika Allah taala telah menjadikan alam ini secara lumrahnya bersifat pelbagai, maka wajarlah jika asas hubungan itu dibina atas sifat yang positif kerana ia lebih sesuai dengan fitrah manusia. Islam adalah agama fitrah, praktikal dan mudah bagi kehidupan. Bayangkan bagaimana perasaan manusia jika dia merasakan setiap manusia lain yang berbeza dengannya mesti dibenci dahulu sebelum dikenalpasti samada dia boleh berasa aman atau percaya dengan manusia itu atau tidak?

6. Membina perhubungan sesama manusia yang pelbagai ini atas asas yang positif juga lebih sesuai dengan keperluan dakwah. Dakwah adalah untuk memenangi hati orang lain. Logiknya, bagaimana boleh kita melakukan sesuatu yang boleh memenangi hati orang lain jika hati itu diselaputi dengan rasa benci dan dendam.

7. Kita tidak sekali-kali menerima yang lain sebagai agama kecuali Islam tetapi kita tidak membenci seseorang itu semata-mata kerana mereka berbeza agama dengan kita.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 37
BERANSUR-ANSUR DALAM PERUBAHAN BUKAN REVOLUSI MENDADAK
Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Dan Al-Quran itu telah Kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian.” (Al-Isra’ : 106)

“Berkata orang-orang kafir ‘Mengapa Al-Quran itu tidak diturunkan kepadanya sekali gus?’ Demikianlah supaya Kami perkuat hatimu dengannya dan Kami membacakannya secara tartil (teratur dan benar).” (Al-Furqan : 32)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini mentsabitkan bahawa proses penurunan Al-Quran ialah secara beransur-ansur. Allah taala sebenarnya mampu untuk menurunkan Al-Quran dan syariat sekali gus sebagaimana ia pernah buat ke atas Bani Israel melalui nabi Musa a.s.

2. Hikmah penurunan Al-Quran secara beransur-ansur ialah

a. agar menjadi rahmat kepada manusia.
b. agar memudahkan hati untuk menerima ajaran Al-Quran.
c. agar memudahkan hati yang telah menerima ajaran Al-Quran untuk memantapkannya.

3. Sesiapa sahaja yang meneliti Al-Quran, pasti akan dapati sifat beransur-ansur dan bertahap-tahap ini merupakan satu aturan alam ini, contohnya;

a. Allah taala sendiri menjadikan alam dalam tempoh 6 hari (tahap).
b. Allah taala mensyariatkan banyak hukum secara bertahap e.g pengharaman arak, riba dan perintah jihad.
c. Allah taala memusnahkan sesuatu umat pun melalui proses beransur-ansur e.g diutus nabi, dibiarkan kemunculan kelompok yang melampau *(mutrafiiha)* dan dibanyakkan maksiat bermaharajalela dahulu.

4. Maka demikianlah usaha dakwah. Ia mesti mematuhi aturan alam. Ia mesti memelihara prinsip beransur-ansur dan bertahap-tahap *(tadarruj).*

5. Islam datang untuk mengubah perkara yang mendasar seperti persoalan

sistem kepercayaan manusia dan sasaran utama dakwah adalah sentiasa perkara pokok dan dasar. Tetapi perkara pokok dan dasar ini pun, mestilah diubah secara beransur-ansur. Maka revolusi dalam erti mencetus perubahan secara mendadak, bukan pilihan utama dakwah, walau ia kelihatan gah *(glamour)* pada pandangan umum.

6. Apabila kita menerima proses bertahap-tahap dalam dakwah maka perlulah juga kita menerima konsekuen darinya. Ini bermaksud kita harus sanggup hidup dalam jahiliyah dahulu sementara ia dapat diubah. Oleh itu, kita tidak lari dari satu tempat semata-mata kerana ia adalah tempat atau masyarakat jahiliyah. Kita harus sanggup untuk membiarkan kemunkaran yang kecil bagi menumpu kepada usaha merubah kemunkaran yang besar. Kita mesti sanggup menanggung sedikit *mafsadah* (kerosakan) bagi menghilangkan *mafsadah* atau menarik maslahat yang lebih besar.

7. Sesiapa yang ingin memilih jalan yang pantas dan cepat dalam usaha dakwahnya, wajiblah baginya memastikan bahawa usahanya itu tidak menimbulkan mudarat yang lebih besar. Jika tidak, ke atas bahunya pertanggungjawaban di hadapan Allah taala.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 39
MENGUASAI PERASAAN & KEPENTINGAN KEYAKINAN DIRI

Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu menyeru Musa (dengan firmanNya) 'Datangilah kaum yang zalim itu'. (Iaitu) kaum Firaun, mengapa mereka tidak bertakwa? Berkata Musa 'Ya Tuhanku, sesungguhnya aku takut mereka akan mendustakan aku. Dan (kerananya) sempitlah dadaku dan tidak lancar lidahku, maka utuslah (Jibril) kepada Harun. Dan aku berdosa terhadap mereka, maka aku takut mereka akan membunuhku. Allah berfirman 'Jangan takut (mereka tidak akan dapat membunuhmu), maka pergilah kamu berdua dengan membawa ayat-ayat Kami (mukjizat-mukjizat); sesungguhnya Kami bersamamu mendengarkan (apa-apa yang mereka katakan)." (Asy-Syu`ara : 10 - 15)

Fiqh Dakwah

1. Allah taala menceritakan perasaan nabi Musa a.s ketika menerima perintah dan tanggungjawab dakwah. Nabi Musa a.s merasa gerun dan gementar dengan tugas berkenaan.

2. Adalah menjadi lumrah bagi pendakwah untuk merasa gementar dengan tanggungjawab dan amanah dakwah yang terbeban atas bahunya. Ia adalah sebahagian dari sifat kemanusiaan pendakwah. Hatta seorang nabi yang gagah seperti Musa a.s juga dihinggapi perasaan sedemikian. Namun perlulah mencontohi nabi Musa a.s kerana beliau tidak membiarkan perasaan itu

menguasai dan menghantui diri sehingga dia menjadikan alasan untuk menjauhi atau mengelak dari tugas dakwah. Sering kali kita bertemu dengan 'pendakwah' yang menolak tugas dakwah semata-mata kerana melayan rasa gerun dan gementar dalam diri dengan berkata 'Saya tidak mampu', 'Tugas ini terlalu berat', 'Saya tidak layak' dll.

3. Hakikatnya perasaan sedemikian adalah lumrah manusia. Apa yang perlu dilakukan oleh pendakwah dalam menghadapi situasi seperti itu ialah untuk menilai secara objektif kepentingan tugas itu dan bagaimana dia dapat menyumbang untuk menjayakannya. Perasaan sedemikian hendaklah diatasi sebagaimana yang ditunjukkan oleh nabi Musa. a.s. Sebaik-baik cara mengatasi perasaan itu ialah dengan mengadu kepada Allah taala kerana Dialah yang menguasai perasaan dan hati manusia.

4. Perhatikan, bahawa nabi Musa a.s apabila mengadu kepada Allah taala akan perasaannya, dia tidak memohon agar dilepaskan dari amanah itu tetapi dia memohon agar diberi bantuan bagi menunaikannya. Ertinya dia tidak melarikan diri dari tugas dan memberi alasan untuk tidak menerimanya kerana kelemahan diri. Sebaliknya dia memohon sokongan dan bantuan.

5. Oleh itu, dalam menghadapi tugas dakwah dan kelemahan diri, mengadulah kepada Allah taala untuk memperolehi bantuan dan jangan lari dari tugas sebelum mencuba.

6. Tugas dakwah, dalam apa jua marhalah, sentiasa memerlukan keyakinan diri untuk menjayakannya. Tidak mungkin seorang pendakwah atau gerakan dakwah itu berjaya menghadapi Firaun zamannya, sebagaimana nabi Musa a.s tanpa keyakinan diri. Pendakwah atau gerakan dakwah yang *'timid'* tidak akan mencipta sejarah dan tidak layak untuk memimpin panji-panji dakwah. Maka sesiapa sahaja atau mana-mana organisasi yang mempunyai aspirasi untuk menjadi pemain peranan utama dalam dakwah, perlulah membina keyakinan diri dan perlulah juga membina keyakinan diri dalam setiap anak didik yang ditarbiyah olehnya.

7. Pendakwah yang merasa cukup dengan memainkan peranan-peranan pinggiran sahaja di sepanjang jalan dakwah, sesungguhnya dia telah tidak menghayati anjuran berlumba-lumba dalam membuat kebajikan dan ihsan dalam beramal.

8. Allah taala menjanjikan nabi Musa a.s keselamatan dari dibunuh oleh Firaun dan Dia tidak meningkari janjiNya. Sememangnya Allah taala tidak menjanjikan sedemikian bagi semua pendakwah tetapi Dia menjanjikan bantuan, sokongan, kemenangan dan ganjaran yang besar bagi sesiapa yang berusaha di jalanNya, dan Dia tidak akan juga mengingkari janjiNya ini.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 40
MENGHADAPI LARANGAN ALLAH TAALA DAN BERSAMA DENGAN KEMUNKARAN

Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Berkata Yusuf 'Jadikanlah aku bendaharawan negara (Mesir). Sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga, lagi berpengetahuan'. Dan demikianlah Kami memberi kedudukan kepada Yusuf di negeri Mesir; (dia berkuasa) pergi menuju ke mana saja dia kehendaki di bumi Mesir itu, Kami melimpahkan rahmat Kami kepada siapa yang Kami kehendaki dan Kami tidak mensia-siakan pahala orang yang berbuat baik." (Yusuf : 55-56)

Fiqh Dakwah

1. Harus bagi untuk pendakwah menawarkan diri sendiri untuk sesuatu jawatan dan amanah, jika

a. dia yakin berkemampuan dan berkelayakan dibanding dengan orang-orang lain.
b. untuk mengelakkan jawatan itu jatuh ketangan orang yang tidak layak atau tidak amanah atau zalim atau amanah itu menjadi terbengkalai.
c. jika melakukan sedemikian, akan memelihara maslahat yang lebih besar atau mengelak mudarat yang besar.

2. Demikianlah juga harus bagi pendakwah itu memuji diri sendiri jika ada keperluan e.g menanamkan rasa hormat orang terhadap dirinya atau membina keyakinan atau tsiqah orang yang akan memudahkan mesej dakwah disampaikan.

3. Peristiwa nabi Yusuf a.s menawarkan diri untuk satu amanah merupakan kontras bagi larangan agama dari meminta-minta jawatan kepimpinan atau amanah yang banyak disebut dalam hadits Rasulullah s.a.w. Ini bukan menunjukkan percanggahan sebaliknya merupakan pengecualian dari hukum yang melarang. Yang seperti ini wujud dalam banyak syariat Islam. Dengan itu ia mengajar para pendakwah, jika mereka menghadapi sesuatu larangan dalam Islam, janganlah terus berhenti dengan hukum larangan itu tetapi hendaklah juga menyelidik apakah pengecualian-pengecualian yang wujud dari hukum itu? Adakah di sana ada maslahat yang lebih besar dari mudarat yang dilarang? Adakah di sana mudarat yang lebih besar yang hendak dielakkan dari mudarat yang dilarang? Hal ini adalah kerana kaedah fiqh ada menyebutkan bahawa dibolehkan melakukan sesuatu yang dilarang, untuk menjaga maslahat yang lebih besar dan dibolehken menanggung mudarat yang kecil, kerana mengelak mudarat yang besar.

4. Diharuskan bagi pendakwah untuk memegang jawatan dalam pemerintahan yang tidak melaksanakan Islam, jika dengan melakukan sedemikian membolehkannya untuk membanyakkan maslahat agama atau mengurangkan mudarat, walau pun dengan melakukan sedemikian menyebabkan ia terdedah dengan beberapa kemudaratan.

5. Kewujudan seseorang di dalam sistem bukan Islam semata-mata tidak memberi alasan untuk mencela dia atau memfasiqkannya atau mengkufurkannya. Allah taala tidak mencela nabi Yusuf a.s dan isteri Firaun Musa yang kekal bersama Firaun. Kecelaan hanya dilemparkan jika keberadaan itu diasaskan atas niat keduniaan, tidak memberi maslahat yang besar dan tidak menghalang mudarat yang besar.

6. Pendakwah yang ingin memegang jawatan sedemikian, hendaklah memastikan niat yang betul, jelas akan maslahat yang dapat dicapai atau mudarat yang dapat dihalang. Mereka yang ingin mencela, hendaklah membuktikan niat yang tidak betul, ketiadaan maslahat yang hendak dicapai atau kewujudan mudarat yang besar.

7. Dalam semua keadaan, hendaklah kita bertakwa kepada Allah taala.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 41
BERHADAPAN DENGAN PELAKU MAKSIAT

Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil musuhKu dan musuhmu menjadi teman-teman yang setia yang kamu sampaikan kepada mereka (berita Muhammad) atas alasan rasa kasih sayang; padahal sesungguhnya mereka telah ingkar kepada kebenaran yang datang kepadamu. Mereka mengusir Rasul dan (mengusir) kamu kerana kamu beriman kepada Allah, Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar untuk berjihad di jalanKu dan mencari keredhaanKu (janganlah kamu melakukan sedemikian). Kamu memberitahukan secara rahsia (berita-berita Muhammad) kepada mereka, kerana kasih sayang. Aku lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan yang kamu nyatakan. Dan barangsiapa di antara kamu yang melakukannya, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus." (Al-Mumtahanah : 1)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini diturunkan ke atas Hatib b. Abi Balta`ah. Beliau adalah seorang sahabat yang telah melakukan kesalahan kerana ingin memaklumkan rancangan Rasulullah s.a.w untuk menyerang Mekah dengan menghantar surat melalui seorang wanita tua. Surat berkenaan kemudiannya dipintas oleh sahabat-sahabat yang diutus oleh Rasulullah s.a.w. Pada ketika para sahabat yang lain

amat marah, bahkan Umar r.a mahu memenggal kepalanya, Rasulullah s.a.w bertanya kepada beliau dengan lembut akan sebab dia melakukan sedemikian. Setelah mendengar akan kata-katanya, Rasulullah s.a.w lalu memaafkannya kerana sumbangannya sebagai Ahli Badr. Rujuk sirah nabi s.a.w mengenai penaklukan Mekah bagi perincian.

2. Ayat di atas menangani aspek hukum terhadap perbuatan Hatib. Allah taala menyatakan secara tegas dan jelas, tanpa nada apologetik, bahawa ia adalah satu perbuatan yang salah. Perbuatan Rasulullah s.a.w pula mengajar kita akan aspek layanan terhadap seorang yang telah melakukan kesalahan. Hakikat ini mengajar para pendakwah bahawa hukum satu perbuatan adalah perkara yang berbeza dengan layanan terhadap pelaku kesalahan.

3. Sesorang yang telah melakukan kesalahan yang keji tidak semestinya dilayan secara hina dan keji kerana perbuatannya. Apatah lagi jika ia adalah seorang yang dikenali telah mempunyai jasa dan sumbangan. Tambahan lagi jika ia menunjukkan sikap bersalah atau melakukan sesuatu kerana tekanan tertentu.

4. Perbuatan Rasulullah s.a.w menunjukkan kehalusan akhlaq yang perlu dicontohi oleh pendakwah terhadap pelaku maksiat atau rakan seperjuangan yang melakukan kesalahan. Rasulullah s.a.w berlembut, bahkan memaafkan, terhadap mereka yang melakukan pengkhianatan terhadap dirinya. Bahkan kesalahan berkenaan, boleh sahaja menyebabkan seseorang jatuh dalam kekufuran. Ini mengajar pendakwah agar sentiasa mengutamakan kelembutan dan melihat setiap perkara dengan kaca mata kasih sayang, hatta kepada pelaku maksiat sekali pun dan sebesar mana maksiat berkenaan pun.

5. Hatta dalam kesalahan sebesar ini, Rasulullah s.a.w tidak terus menjatuhkan hukuman, apatah lagi mengkufurkan pesalah berkenaan. Kerana telah mengenali Hatib, beliau berlapang dada dan memberi peluang untuk Hatib membela dirinya. Akhlaq pendakwah menuntut untuk tidak cepat menghukum, tanpa mendengar penjelasan.

6. Walau pun Rasulullah s.a.w mendapat wahyu yang benar mengenai perbuatan Hatib, tetapi dia tidak hanya menghukum Hatib berdasarkan wahyu sahaja. Sebaliknya dia tetap melaksanakan proses perbicaraan yang adil dengan memberi peluang untuk Hatib bercakap. Demikianlah seorang pendakwah, sentiasa terbuka dan memberi peluang orang lain untuk berhujah walau dia meyakini akan kebenaran dirinya.

7. Dalam berhadapan dengan pelaku maksiat, Islam mahukan dia itu diislah (rehabilitate) bukan dihukum semata-mata. Pendakwah hendaklah mengislah meraka yang buat kesalahan bukan memalukan mereka - tarbiyah bukan ta`riyah (menelanjangkan).

8. Dalam menghadapi pelaku kesalahan atau rakan seperjuangan yang membuat kesalahan, walau sebesar mana sekali pun, jangan lupa akan jasa baik serta sumbangan yang telah dia buat sebelum itu. Jangan sekali-kali kesalahannya, menutup mata pendakwah dari kebaikan yang ada padanya. Seorang itu dipatut di'condemn' hanya kerana kesalahan yang telah dilakukan. Hakikat ini dapat dilihat melalui sikap Rasulullah s.a.w yang memaafkan Hatib kerana dia adalah Ahli Badr. Berapa ramai para pendakwah yang berpotensi dipinggir bukan kerana kesalahan, tetapi kerana sedikit perbezaan antara dirinya dengan yang lain.

9. Mu`awiyah b. Abi Sufyan adalah seorang sahabat yang banyak berjasa. Beliau penulis wahyu. Beliau memimpin tentera menakluk Syam dan memerintahnya sejak zaman Umar. Beliau menubuhkan tentera laut pertama Islam yang kemudiannya menakluk kepulauan di Mediteranean. Namun kesemua itu tenggelam hanya kerana 'kesilapan' nya menentang Ali r.a. Hari ini beliau lebih dikenali sebagai penentang Ali dan pengasas sebuah dinasti. Manusia lebih suka mengaitkan beliau dengan yang negatif dari menghargai sumbangannya. Pendakwah yang bijaksana tidak akan me'Mu`awiyah'kan sahabatnya.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 42
MENGHADAPI KESEMPITAN DAN KESULITAN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Ya'qub berkata 'Hanya dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu. Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Mudah-mudahan Allah mendatangkan mereka semuanya kepadaku; sesungguhnya Dialah yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Dan Ya'qub berpaling dari mereka (anak-anaknya) seraya berkata 'Aduhai duka citaku terhadap Yusuf' dan kedua matanya menjadi putih kerana kesedihan dan dia adalah seorang yang menahan amarahnya (terhadap anak-anaknya).

Mereka berkata 'Demi Allah, senantiasa kamu mengingati Yusuf sehingga kamu menghidap penyakit yang berat atau termasuk orang-orang yang binasa.

Ya`qub menjawab 'Sesungguhnya hanyalah kepada Allah aku mengadu kesusahan dan kesedihanku, dan aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Hai anak-anakku, pergilah kamu, maka carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya dan jangan kamu putus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir." (Yusuf : 83 - 87)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini menceritakan kisah nabi Ya'qub yang kehilangan dua orang anak yang dikasihinya iaitu Yusuf dan Benjamin. Di dalamnya mengandungi banyak pengajaran bagi para pendakwah dalam menghadapi kesulitan dan kesempitan dalam kehidupan.

2. Sikap nabi Ya`qub dalam menghadapi kehilangan anak-anaknya dapat disimpulkan sebagai berikut;

a. Sabar yang berterusan.

b. Optimis dengan janji Allah taala (nabi Ya`qub tahu bahawa anak-anaknya tidak mati dan akan dikembalikan oleh Allah taala melalui wahyu).

c. Tidak mudah putus asa.

d. Berbuat baik kepada mereka yang melakukan kesalahan (nabi Ya`qub tidak membalas kejahatan anak-anaknya dengan kejahatan dan kekasaran).

e. Menjaga adab sepanjang masa, hatta dalam waktu-waktu susah dan menekan.

f. Pengasih dan bersedia untuk memaafkan (nabi Ya`qub memaafkan anak-anaknya setelah mereka kesal dengan kesalahan yang dilakukan).

g. Menjauhi sikap membalas dendam.

h. Berusaha berterusan sebagai tanda tidak putus asa (nabi Ya`qub menyuruh anak-anaknya terus mencari Yusuf dan adiknya).

i. Menjadikan Allah taala tempat mengadu.

3. Satu perkara istimewa yang perlu dipelajari dari kisah ini ialah walau pun nabi Ya`qub memperoleh wahyu dari Allah taala mengenai keadaan Yusuf yang tidak dibunuh, dia tidak menggunakannya untuk berhujah dan menangkis dakwaan anak-anaknya kerana wahyu adalah satu kurniaan khusus yang tidak dapat dibuktikan secara tabi`ii. Ini memberi pengajaran kepada pendakwah khususnya para pemimpin bahawa pengetahuan khusus yang dia ada tidak memadai untuk dijadikan sandaran bagi membuat keputusan atau menghukum sesuatu perkara yang berkaitan dengan maslahat umum. Seorang pemimpin tidak wajar berkata *"Saya buat seperti ini kerana saya tahu apa yang kamu tidak tahu tapi saya tidak dapat beritahu kamu apa yang saya tahu."*

Walau pun kemungkinan si pemimpin bercakap benar, namun dari segi sistem

membuat keputusan, hujah sedemikian akan membuka ruang ketidaktelusan *(not transparent)* kerana ia tidak dapat dicabar dan didebatkan.

4. Sering kali dalam kerja dakwah ini kita mengahadapi satu situasi yang amat berat bagi emosi dan jiwa kita. Begitu berat keadaan itu sehingga kita merasa pasrah dan lemah kerana tidak mampu buat apa-apa, seperti wabak SARS yang melanda dan nasib malang yang menimpa para penduduk Iraq. Dalam hal ini, kisah nabi Ya`qub yang sungguh bersedih dengan perpisahan dengan anaknya. Walau pun dia tahu anaknya masih hidup tetapi dia tidak dapat melakukan apa-apa. Dalam situasi seperti ini, dia mengajar kita sikap;

“Sesungguhnya hanyalah kepada Allah aku mengadu kesusahan dan kesedihanku”

“Jangan kamu putus asa dari rahmat Allah”

5. Oleh itu, jangan lupa akan doa Rasul kita "*Ya Allah, aku mengadu kepadaMu kelemahan kekuatanku dan sedikitnya strategiku". "Ya Allah, berikanlah hidayah kepada kaumku sesungguhnya mereka tidak mengetahui."*

6. Kasihanilah diri sendiri dengan membenarkan ia untuk meluahkan perasaannya dan melayan kesedihannya. Kasihanilah orang lain juga dengan membenarkan mereka melakukan sedemikian. Jangan mereka dicela kerana bersedih dengan tuduhan tidak sabar dan tiada pergantungan dengan Allah taala. Lihatlah bagaimana nabi Ya`qub bersedih kerana dia dan kita semua adalah manusia belaka.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 43
PUNCA PERPECAHAN & ASAS KESATUAN

Allah taala berfirman yang bermaksud;

"Dan mereka (Ahli Kitab) tidak berpecah belah melainkan sesudah datangnya pengetahuan kepada mereka kerana kedengkian antara mereka." (Asy-Syura : 14)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini menceritakan sebab perpecahan yang berlaku di kalangan Ahli Kitab. Oleh itu, ia adalah ayat yang elok untuk dikaji dalam persoalan pembinaan pasukan, organisasi dan memahami tingkah laku dalam organisasi.

2. Allah taala menerangkan dalam ayat ini sebab perpecahan di kalangan Ahli Kitab ialah kerana kedengkian antara mereka. Ini berlaku walau pun mereka telah diberi hidayat dan ilmu dari kitab yang diturunkan.

3. Oleh itu, sifat dengki, cemburu, hasad, iri hati dan yang seumpamanya, kalau pun bukan sebab yang terutama, namun ia adalah antara faktor utama yang merosakkan kesatuan dan mencetus perpecahan dalam kumpulan, organisasi dan pasukan.

4. Kesemua sifat-sifat ini adalah sifat-sifat keji yang wujud di hati manusia. Ia hanya dapat dihilangkan melalui proses penyucian jiwa. Proses penyucian jiwa pula dilakukan melalui ibadah yang berterusan dan pentarbiyahan oleh diri sendiri atau orang lain.

5. Oleh itu, teras pembinaan pasukan *(team building)* dalam Islam ialah terfokus pada hati manusia. Ia menjangkau aspek kemahiran *(skills)* dan pengetahuan semata-mata. Hati itu perlu dibersihkan dengan sifat-sifat keji yang dinyatakan di atas dan diganti dengan sifat-sifat yang berlawanan seperti mengutamakan sahabat, pengorbanan dan berlapang dada.

6. Berapa banyak hari ini kita lihat sebuah organisasi porak peranda kerana si A tidak suka dengan si B, kumpulan A dengki dengan kumpulan B dan generasi A marah dengan generasi B. Dari sifat-sifat ini, terlahirlah tindakan-tindakan zahir seperti memandang remeh terhadap yang lain, mengkritik buta, memboikot, merancang untuk menjatuhkan yang lain, menghukum dan melabel.

7. Namun berapa banyak pula hari ini wang dibelanjakan untuk membina pasukan yang hanya tertumpu pada kemahiran dan ilmu semata-mata, tapi jauh dari aspek kesucian jiwa serta membaiki hubungan hati sesama manusia.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 44
BERSIAP MENGHADAPI KRISIS

Allah taala berfirman yang bermaksud

"(Setelah pelayan itu berjumpa dengan Yusuf dia berseru) ‘Yusuf hai orang yang amat dipercayai, terangkanlah kepada kami tentang tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh butir (gandum) yang hijau dan (tujuh) lainnya yang kering agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahuinya.

Yusuf berkata ‘Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.

Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), Kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan.

Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan

(dengan cukup) dan manusia memeras anggur.” (Yusuf : 46 – 49)

Fiqh Dakwah

1. Aturan alam bagi kehidupan ini ialah ia sentiasa melalui hukum kitaran – kitaran berada dalam keadaan baik dan kitaran berada dalam keadaan kesulitan.

2. Krisis dan kesulitan adalah satu yang lumrah dan pasti berlaku apabila tiba kitarannya. Ini dapat dipelajari dari kejadian tujuh tahun masa senang dan tujuh tahun masa susah yang diramalkan oleh nabi Yusuf dan berlaku kemudiannya.

3. Atas dasar itu, hendaklah kita sentiasa berusaha ketika berada dalam keadaan baik untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi keadaan yang gawat. Ini dapat dicapai dengan memahami kehidupan dan melakukan persiapan awal.

4. Salah satu cara menangani krisis ialah dengan membuat unjuran awal *(projection)* dan memastikan kesediaan sepanjang masa. Ini dapat dipelajari dari tindakan nabi Yusuf yang membuat unjuran mengenai apa yang akan berlaku di masa akan datang lalu menganjurkan agar tanaman yang dituai sepanjang tujuh tahun tidak dihabiskan semuanya sebaliknya sebahagian kecil disimpan bagi menghadapi musim yang susah.

5. Salah satu faktor yang membantu menangani krisis juga ialah dengan memastikan pengurusan sumber yang baik semasa senang dan sewaktu krisis.

6. Pada waktu susah pula, sumber yang ada jangan digunakan sehingga habis tetapi disimpan sedikit agar dapat menjadi modal untuk digunakan pada waktu berkenaan atau apabila menjelang masa senang. Ini dapat dilihat dari kisah nabi Yusuf yang mana lebihan dari simpanan bahan makanan semasa susah membolehkan negeri Mesir terus makmur kerana didatangi oleh orang ramai dari pelbagai tempat untuk mendapatkan bekalan makanan.

7. Ertinya sepanjang masa, kita hendaklah ada sumber-sumber yang munasabah bagi menghadapi perkembangan persekitaran.

8. Memahami akan aturan alam ini penting bagi memastikan kesediaan mental dalam situasi krisis. Oleh itu, pendakwah tidak mudah merungut atau tertekan dalam keadaan krisis kecuali jika ia gagal untuk memahami aturan alam ini atau gagal untuk mempersiapkan dirinya.

9. Aturan alam ini pasti berlaku dan berlaku ke atas sesiapa sahaja. Hatta Rasulullah s.a.w sendiri perlu melalui aturan ini. Beliau menghadapi masa sulit di Mekah sebelum masa senang di Madinah. Semasa di Madinah pula beliau menghadapi kekalahan di Uhud, ancaman Ahzab dan pengkhianatan Yahudi kemudian kegawatan di Hunain.

10. Tamadun Islam juga sedemikian, ia naik dan jatuh dan pasti akan naik kembali.

11. Samada kita berada di zaman kesulitan Islam atau zaman kegemilangannya adalah tidak penting kerana darjat kita di sisi Allah tidak ditentukan oleh zaman kita hidup di dalamnya. Sebaliknya darjat kita ditentukan oleh amal yang kita lakukan. Berbahagialah mereka yang hidup di zaman Islam dihina tetapi menjadi pejuang untuk memuliakannya. Kecelaan bagi mereka yang hidup di zaman kegemilangan Islam tetapi hanya bersenang lenang dengan kehidupannya sahaja.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 45
SIFAT-SIFAT SEORANG PEMIMPIN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami ketika mereka sabar. Dan adalah mereka meyakini ayat-ayat Kami." (As-Sajdah : 24)

Fiqh Dakwah

1. Al-Quran adalah kitab petunjuk dalam semua aspek penting kehidupan manusia. Ia bukan hanya kitab peribadatan atau tata susila. Oleh kerana kepimpinan adalah aspek yang penting dalam kehidupan manusia dan juga dalam usaha dakwah, maka Al-Quran juga memberi petunjuk akan prinsip-prinsip kepimpinan dalam Islam.

2. Ayat di atas menjelaskan tiga karakteristik penting bagi seorang pemimpin dalam semua keadaan, khususnya dalam amal dakwah. Iaitu;

a. Memberi petunjuk.
b. Sabar.
c. Yakin terhadap apa yang diperjuangkan.

3. Memberi petunjuk bermaksud membimbing manusia ke arah petunjuk yang diturunkan oleh Allah taala. Selain itu ia juga bermaksud bahawa pemimpin yang baik ialah seorang yang menunjuk jalan kepada manusia untuk melalui kehidupan ini bukan 'memimpin tangan' pengikutnya sepanjang jalan kerana yang sedemikian itu adalah mustahil dan sukar dilakukan oleh mana-mana pemimpin.

4. Sifat memberi petunjuk menunjukkan bahawa objek utama kepimpinan ialah manusia kerana benda dan binatang tidak memerlukan pimpinan manusia. Menyedari hakikat ini, pendakwah yang perlu memainkan peranan kepimpinan

perlulah menginsafi akan kepentingan ilmu-ilmu kemanusiaan yang membolehkan mereka berinteraksi dengan manusia secara berkesan. Keagungan seorang pemimpin terletak pada sejauh mana dia mampu memenangi hati manusia bukan sejauh mana dia mempunyai kuasa atas mereka.

5. Disebabkan hakikat manusia yang mempunyai bermacam ragam, kerenah dan berubah-ubah, maka sememangnya memimpin mereka adalah satu tugas yang berat dan mencabar. Maka sebab itulah, Allah taala menghendaki pemimpin mempunyai sifat sabar. Siapa yang tidak mampu sabar, dia tidak akan menggunakan petunjuk untuk memimpin manusia tetapi dia akan menggunakan 'kuasa'. Siapa yang tidak sabar, dia akan sentiasa bersendirian dan jauh dari mana-mana perkumpulan. Dengan itu, ia akan mengabaikan tanggungjawab dakwah secara kolektif. Siapa yang tidak sabar, akan mudah terseleweng dari kebenaran kerana mencari jalan yang singkat.

6. Yang membolehkan seorang pemimpin itu sabar pula ialah kerena kejelasan dan keyakinan terhadap apa yang ia percayai dan perjuangkan. Dia sabar menghadapi kerenah manusia kerana dia tahu akan hakikat manusia, kerana dia tahu akan kisah nabi Nuh. Dia sabar dengan lamanya tempoh perjuangan ini kerana dia tahu bahawa dia hanya dituntut untuk berusaha dan ganjaran baginya ialah atas usahanya bukan atas kejayaan yang dicapai. Dia sabar dengan prinsip ajaran yang disampaikan kerana dia tahu di sana ada syurga dan neraka.

7. Dalam bahasa kontemporari, ini merujuk kepada kejelasan dan keyakinan terhadap misi dan visi perjuangan. Namun di antara sekian banyak benda yang perlu diyakini, yang paling utama ialah kejelasan dan keyakinan terhadap 'ayat-ayat Allah taala'. Sebagaimana pendakwah itu fasih dengan ilmu-ilmu kemanusiaan dan pengurusan, ia juga haruslah fasih dengan ilmu berkaitan 'ayat-ayat Allah taala'.

8. Kepimpinan bukan milik mereka yang ikut-ikut sahaja. Oleh kerana Islam menuntut agar seorang pengikut itu mengikut atas dasar ilmu dan keyakinan, maka pemimpin itu sendiri mestilah sedemikian.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 46
APABILA BERHADAPAN DENGAN PENGUASA

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Mereka bertanya 'Apakah kamu yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami, hai Ibrahim.' Ibrahim menjawab 'Sebenarnya patung yang besar itulah yang melakukannya, maka tanyakanlah kepada berhala itu, jika mereka dapat berbicara.' Maka mereka telah kembali kepada kesadaran mereka dan lalu berkata 'Sesunguhnya kamu sekalian adalah orang-orang yang menganyiaya diri (sendiri).' Kemudian kepala mereka menjadi tertunduk (lalu

berkata) 'Sesungguhnya kamu (hai Ibrahim) telah mengetahui berhala-berhala itu tidak dapat berbicara.' Ibrahim berkata 'Maka mengapakah kamu menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat sedikitpun dan tidak (pula) memberi mudharat kepada kamu? Ah! (Celakalah) kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah. Maka apakah kamu tidak memahami?' Mereka berkata 'Bakarlah dia dan bantulah tuhan-tuhan kamu, jika kamu benar-benar hendak bertindak." (Al-Anbiya' : 62-68)

"Binasa dan terlaknatlah orang-orang yang membuat parit. Yang berapi (dinyalakan dengan) kayu bakar. Ketika mereka duduk di sekitarnya. Sedang mereka menyaksikan apa yang mereka buat terhadap orang-orang yang beriman." (Al-Buruj : 4-7)

Fiqh Dakwah

1. Antara sasaran dakwah ialah para penguasa. Di dalam Al-Quran terdapat banyak kisah contoh mengenai dakwah dengan penguasa. Di antara kisah itu ialah kisah nabi Ibrahim dengan Namrud, penguasa Babylon (Al-Anbiya' : 62-68) dan kisah pendakwah budak di Najran, Yaman (Al-Buruj : 4-7). Rujuk buku tafsir untuk memami setiap kisah di atas dengan lebih terperinci.

2. Ayat-ayat di atas menceritakan mengenai dakwah secara bermuwajahah *(confront)* dengan para penguasa.

3. Kewujudan ayat-ayat ini menunjukkan bahawa bermuwajahah terus dengan penguasa yang zalim itu adalah salah satu pilihan *(option)* dalam berdakwah, tertakluk pada pertimbangan mudharat, maslahat dan hikmah. Bahkan kadangkala muwajahah itu satu pilihan yang tidak dapat dielakkan seperti yang berlaku dalam kisah surah Al-Buruj.

4. Namun perlulah juga diperhatikan bahawa Allah taala apabila menceritakan kisah-kisah ini, ia bukan hanya menceritakan kisah muwajahah itu tetapi juga menceritakan natijah dari muwajahah berkenaan. Dalam kisah nabi Ibrahim, natijahnya ialah beliau dicampak ke dalam api tetapi diselamatkan oleh Allah taala. Dalam kisah di surah Al-Buruj, natijahnya ialah pendakwah muda itu dibunuh dan orang-orang beriman dicampak ke dalam parit yang berapi.

5. Ini memberi pengajaran kepada para pendakwah bahawa, walau pun bermuwajahah dengan penguasa yang zalim itu dibenarkan oleh syara' tetapi pendakwah juga perlu sedar dan tahu akan akibat dari tindakannya itu iaitu reaksi keras dari para penguasa yang zalim seperti diazab, dibunuh, dipenjara dan dihalau. Hakikat ini berlaku secara berulang kali, dari zaman dahulu hingga sekarang, sehingga seolah-olah menggambarkan bahawa ia adalah satu sunnah alam.

6. Walau pun para pendakwah boleh bersikap positif dengan akibat dari muwajahah itu. Namun pertimbangan yang lebih penting ialah kesan tindakannya itu terhadap maslahat dakwah di sesuatu medan dakwah. Ertinya segala bentuk azab, penjara, pembunuhan dan pengusiran yang dikenakan ke atas pendakwah hendaklah mudharatnya itu TIDAK LEBIH BESAR dari mudharat ke atas dakwah itu sendiri e.g kepupusan dakwah atau kebekuan dakwah disebabkan kehilangan para penggerak dan pemimpinnya.

7. Dalam hal ini, seorang Mujahid berkata 'Aku lebih suka seorang mujahid yang hidup dari sepuluh orang mujahid yang syahid kerana peperangan ini perlu dimenangkan oleh mereka yang hidup'. Dia mengatakan sedemikian setelah melihat pelbagai tindakan-tindakan cuai dalam pertempuran oleh anak buahnya kerana ingin mengejar syahid.

8. Berusaha untuk memenangkan dakwah ini adalah tanggungjawab kita manakala syahid itu adalah kurniaan Allah taala. Pendakwah hendaklah fokus kepada usaha untuk menunaikan tangungjawabnya kepada Allah taala bukan memfokuskan kepada kurniaan Allah taala sehingga mengabaikan tuntutan tanggungjawabnya. Yang ditanya kepada pendakwah ialah samada dia telah menunaikan tangungjawabnya bukan samada ada dia mati sebagai syahid atau bukan. Walau pun tidak dinafikan akan kemuliaan syahid dalam Islam.

8. Ini juga mengajar para pemimpin dakwah bahawa dalam memilih strategi dakwah, kepimpinan dakwah bukan hanya memahamkan para pengikutnya akan strategi itu dan bagaimana pelaksanaannya tetapi juga memahamkan mereka akan natijah buruk dari strategi berkenaan. Dengan itu mereka melaksanakan strategi itu dengan kesedaran apa yang baik dan buruk darinya kerana demikianlah yang Allah taala lakukan di dalam Al-Quran apabila menceritakan kisah muwajahah di atas.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 47
BERMULA DENGAN TITIK PERSAMAAN

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Katakanlah 'Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada satu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka 'Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)." (Ali Imran : 64)

"Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang yang zalim di antara mereka, dan katakanlah 'Kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang telah diturunkan

kepada kami dan yang diturunkan kepada kamu; Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu; dan hanya kepadaNya kami berserah." (Al-Ankabut : 46)

Fiqh Dakwah

1. Dalam kedua-dua ayat di atas, Allah taala menunjukkan kepada para pendakwah agar memberi tumpuan pada titik-titik persamaan antara pendakwah dan Ahli Kitab.

2. Kedua ayat ini juga menganjurkan bagi para pendakwah agar memulakan dakwah pada pada titik-titik persamaan.

3. Kedua-dua ayat ini juga mengajar kita bahawa, walau pun kita mengetahui akan penyelewengan yang telah berlaku di kalangan Ahli Kitab, namun itu tidak bermakna di sana tiada titik pertemuan atau persamaan antara kita dan mereka.

4. Sikap seperti ini tidaklah terkhusus pada Ahli Kitab sahaja tetapi juga kepada semua pihak yang bukan Islam.

5. Dengan mengenalpasti titik pertemuan dan persamaan, membolehkan pendakwah menjalin hubungan yang positif dan bekerjasama dengan golongan bukan Islam sebagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w sebelum menjadi nabi dengan penglibatan dalam *Harbul Fijar* dan *Hilful Fudhul* dan selepas kenabian dengan perjanjian *Sahifah Madinah*.

6. Anjuran ini juga menjadi salah satu dasar bagi melakukan Dialog Antara Agama / Budaya sebagai salah satu media dakwah bagi para pendakwah.

7. Sekiranya Islam menganjurkan agar para pendakwah mencari titik persamaan dengan Ahli Kitab dan golongan bukan Islam, maka logiknya mencari titik persamaan di antara sesama Islam dan kumpulan Islam itu lebih utama dari berdebat dalam perkara yang diperselisihkan.

8. Jika seseorang itu merenung akan kecenderungan untuk mencari titik perselisihan antara pihak lain, pasti akan mendapati bahawa di sebalik kecenderungan itu terselit elemen-elemen negatif seperti dorongan marah, dendam, benci, mahu mengalahkah pihak lain, fanatik pada pandangan sendiri, sempit dada, tidak menghormati hak orang lain untuk berpendapat, melihat pihak lain sebagai ancaman dll. Sedangkan para pendakwah dituntut untuk sentiasa mensucikan hatinya dari sifat-sifat yang keji.

9. *Hazr* atau sikap berhati-hati yang sederhana adalah wajar dan tidak mengapa. Namun ia jangan mengakibatkan pendakwah hilang peluang-peluang dakwah yang berharga atau aset-aset yang bermanfaat.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 48

BESARNYA PERANAN WANITA DALAM DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"(Berkata burung Hud-hud) Sesungguhnya aku menjumpai seorang wanita yang memerintah mereka, dan dia dianugerahi segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar." (An-Naml : 23)

"Berkata dia (Balqis) 'Hai para pembesar berilah aku pertimbangan dalam urusanku (ini) aku tidak memutuskan sesuatu persoalan sebelum kamu berada dalam majlis (ku) Mereka menjawab 'Kita adalah orang-orang yang memiliki kekuatan dan (juga) memiliki keberanian yang sangat (dalam peperangan), dan keputusan berada di tanganmu; maka pertimbangkanlah apa yang kamu perintahkan. Dia berkata 'Sesungguhnya raja-raja apabila memasuki sesuatu negeri, nescaya mereka membinasakannya dan menjadikan penduduknya yang mulia menjadi hina; dan demikian pulalah yang akan mereka perbuat. Dan sesungguhnya aku akan mengirim utusan kepada mereka dengan (membawa) hadiah dan (aku akan) menunggu apa yang akan dibawa kembali oleh utusan-utusan itu." (An-Naml : 32 - 35)

Fiqh Dakwah

1. Ayat-ayat di atas mengisahkan kisah Balqis, Penguasa Kerajaan Saba' di Yaman pada ketika menerima surat dari nabi Sulaiman r.a untuk beriman kepada Allah taala dan tunduk di bawah kekuasaan beliau.

2. Ayat di atas merupakan testimoni dari Allah taala terhadap kewibawaan beliau, sebagai seorang wanita yang memerintah satu kerajaan yang besar (lihat An-Naml : 23). Ia juga adalah testimoni Allah taala terhadap keupayaan dan ebijaksanaan dalam menjalankan tugas. Allah taala menceritakan langkah Balqis melakukan permesyuaratan dengan para pembesar, langkahnya untuk mencari huraian secara aman bagi mengelakkan kerosakan terhadap negara dan rakyat serta kata-katanya mengenai amalan raja-raja apabila menguasai sebuah negara. Kesemua itu diceritakan oleh Allah taala tanpa komen yang negatif. Ia adalah petanda penerimaan Al-Quran terhadap perbuatan sedemikian kerana jika perbuatan dan kata-kata itu tidak sejajar dengan syara', pastinya akan ada komen mengenainya sebagai petunjuk untuk umat Islam.

3. Rakaman kisah Balqis dan testimoni mengenai kebijaksanaan dan kewibawaannya menunjukkan pengiktirafan Al-Quran terhadap kemampuan wanita dan peranan yang boleh dilakukan oleh mereka di dunia ini.

4. Allah taala merakam kisah Balqis yang memainkan peranan menjangkau dari peranan tradisi kaum wanita di zamannya atau yang biasa difahami oleh manusia hari ini juga.

5. Umat ini tidak akan dapat dibangunkan sepenuhnya dan jentera dakwah tidak akan berkuasa penuh, jika 50% dari asetnya (kaum wanita) tidak dimanfaatkan atau diabaikan. Pemanfaatan mereka haruslah dilihat melebihi dari sebagai pengurus rumah. Sirah Rasulullah s.a.w sendiri penuh dengan kisah kaum muslimah yang terlibat di medan perang, guru kepada para sahabat, ibu kepada para syuhada', peniaga yang berjaya dan lain-lain.

6. Untuk merealisasikan ini;

a. Perlulah bagi semua pihak - ibu bapa kepada anak gadis, suami kepada isteri, anak-anak kepada ibu, kaum wanita kepada diri sendiri dan gerakan dakwah kepada aktivis wanitanya - mempnyai sikap yang positif, terbuka dan perspektif yang luas terhadap peranan dan keupayaan wanita dalam usaha dakwah. Perlulah juga setiap pihak memainkan peranan bagi menggerakkan 50% aset masyarakat ini.

b. Pembangunan keupayaan (capacity building) ke atas kaum wanita dan segala yang diperlukan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih besar.

7. Kaum wanita adalah milik Allah taala bukan milik para suami atau para penjaganya. Mereka itu hanyalah pemegang amanah agar kaum wanita itu dikembalikan untuk berkhidmat di jalan Allah taala. Syurga tidak dimiliki oleh kaum lelaki hanya dengan berkhidmat pada isteri dan anak-anaknya. Syurga juga tidak dimilik oleh kaum wanita, hanya dengan melayan si suami atau anak-anaknya sahaja.

Nota : Yang masyhur di sisi Jumhur Ulama bahawa kaum wanita hanya tidak diharuskan menjawat jawatan kepimpinan tertinggi negara. Selain dari itu, anjuran Islam terhadap mereka sama seperti anjuran kepada kaum lelaki sejajar dengan prinsip quwwah dan amanah.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 49
PRINSIP GANJARAN BAGI PETUGAS DAKWAH

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan bagi setiap seorang darjat-darjat mengikut apa yang mereka usahakan dan Allah pasti akan memberi ganjaran atas amal-amal mereka dan mereka tidak akan dizalimi." (Al-Ahqaf : 19)

Fiqh Dakwah

1. Ayat ini memberi pengajaran berikut;

a. Allah taala pasti akan memberi ganjaran ke atas amal manusia, samada amal baik atau jahat.

b. Ganjaran yang diberi oleh Allah taala adalah mengikut amal yang dilakukan. Amal baik yang besar akan mendapat ganjaran yang besar, begitulah juga amal jahat yang besar. Amal yang kecil pula akan diberi ganjaran kecil yang setimpal.

2. Terdapat pelbagai banyak ayat-ayat lain yang mempunyai maksud yang serupa seperti ayat yang memberi ganjaran yang besar kepada mujahidin di banding mereka yang tidak keluar berjihad. Hatta dalam syariat juga terdapat aturan bahawa tentera berkuda mendapat ganjaran yang dua kali ganda dibanding tentera berjalan kaki kerana perbezaan tanggungjawab.

3. Dengan ini, Islam meletakkan dasar bagi konsep yang diamalkan secara popular di dunia korporat iaitu *'performance based remuneration'* - ganjaran berdasarkan kelakonan kerja.

4. Konsep di atas menyalahi apa yang dikemukakan oleh pemuka komunis iaitu 'untuk kamu, sekadar apa yang diperlukan. untuk negara, segala-galanya'. Komunisme menyamaratakan ganjaran kepada semua tanpa kira usaha setiap seorang. Yang baki dibolot oleh negara dan dinikmati oleh para pemukanya.

5. Hari ini, semakin banyak gerakan dakwah yang beroperasi dengan menggajikan tenaga kerja sepenuh masa. Semakin ramai pula aktivis dakwah yang menyumbang tenaga sepenuh masa bagi jamaah yang ia bergabung dengannya. Oleh itu, konsep yang dinyatakan di atas amatlah penting untuk diperhatikan dan difikirkan pelaksanaannya secara sistematik dan adil.

6. Dahulu sistem ganjaran kerja menjamin kenaikan gaji tahunan pada kadar yang ditentukan. Sistem ini masih banyak diamalkan oleh pelbagai organisasi dakwah seperti masjid, madrasah dan pertubuhan Islam. Ia memberi keselesaan bagi para pekerja kerana gajinya akan tetap dinaikkan, walau pun kelakonannya tidak seberapa.

7. Pada ketika, dunia luar melaksanakan apa yang lebih dekat dengan anjuran Islam. Ramai di kalangan umat Islam sendiri, masih berada ditakuk lama kerana kejahilan. Bahkan ada pula yang membantah apabila perubahan cuba dilaksanakan kerana takut akan periuk nasinya.

8. Namun adalah diakui bahawa pelaksanaan terhadap sistem ini secara adil juga bergantung pada sifat amanah para pemimpin institusi Islam selaku majikan bagi para petugas dakwah dalam membuat penilaian kelakonan dan penentuan ganjaran.

9. Siapa yang mengambil dari majikannya apa yang bukan haknya, adalah tercela. Begitulah majikan yang mengurangi hak petugas dakwahnya. Oleh itu, bertakwalah kepada Allah taala sentiasa.

FIQH DAKWAH DALAM AL-QURAN 50
APABILA PENDAKWAH BEROLEH KUASA

Allah taala berfirman yang bermaksud

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata 'Hai manusia kami telah diberi pengertian tentang ucapan burung dan kami diberi segala sesuatu. Sesungguhnya (semua) ini benar-benar satu kurnia yang nyata'. Dan dihimpunkan untuk Sulaiman tentaranya dari Jin, manusia dan burung. Lalu mereka itu diatur dengan tertib (dalam barisan). Hingga apabila mereka sampai di lembah semut, berkatalah seekor semut 'Hai semut-semut, masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari'. Maka tersenyum dia sambil tertawa kerana (mendengar) perkataan semut itu. Dan dia berdoa 'Ya Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmatMu yang telah engkau anugerah kepadaku dan kepada dua orang ibu bapaku dan untuk mengerjakan amal soleh yang engkau redhai, dan masukkanlah aku dengan rahmatMu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh." (An-Naml : 15 - 19)

Fiqh Dakwah

1. Sulaiman a.s adalah seorang nabi yang dikurniakan oleh Allah taala dengan kerajaan dan kekuasaan yang amat hebat. Tiada seorang raja sesudahnya yang mempunyai kerajaan yang seperti itu. Kerajaan yang bukan sahaja mempunyai kekuasaan ke atas manusia bahkan juga ke atas binatang dan alam e.g angin.

2. Kisah kebesaran kerajaan Sulaiman a.s ini mempunyai pengajaran yang besar mengenai sikap-sikap terpuji bagi pendakwah dan gerakan dakwah iaitu;

a. Walau pun mempunyai segala kekuasaan yang besar tetapi Sulaiman a.s tetap memastikan disiplin yang tinggi di kalangan pengikutnya. Ini dapat dilihat dari firman Allah taala yang bermaksud 'Lalu mereka itu diatur dengan tertib (dalam barisan)'. Penekanan terhadap disiplin dapat juga dilihat dalam kisah Sulaiman a.s dan hud-hud yang mana hud-hud diancam hukuman yang berat kerana ghaib tanpa izin.

b. Apabila diberi kekuasaan, Sulaiman a.s mengaitkannya kepada kurniaan Allah taala. Dia tidak menjadikannya sebagai sesuatu dari usahanya sendiri. Demikianlah pendakwah dan gerakan dakwah. Jangan sekali-kali pada waktu susah kita bermunajat kepada Allah taala agar diberi kemenangan dan kekusaan

tetapi apabila telah mendapat kurniaanNya, ia merasakan segala-galanya adalah hasil susah payahnya sahaja. Sulaiman a.s juga pada ketika berkuasa mengekalkan hubungan yang rapat dan baik dengan Allah taala melalui munajat dan doa yang berterusan.

c. Apabila kuat dan besar, jangan angkuh dengan yang kecil. Sulaiman a.s tidak menyepak semut-semut yang merintangi jalannya semata-mata kerana ia binatang yang kecil. Padahal apakah mudaratnya dunia ini jika beberapa ekor semut mati dipijak oleh tentera Sulaiman a.s? Gerakan dakwah apabila besar jangan lupa pada yang kecil, jangan membuli yang kecil dan jangan pula tidak mengendahkan yang kecil kerana saiznya. Sebaliknya hendaklah berlaku ihsan, membantu mereka agar dapat membesar atau paling kurang membiarkan mereka sahaja tanpa menyebabkan kemudaratan ke atas mereka. Semut walau pun kecil adalah sebahagian dari alam ini. Kewujudannya mempunyai peranan dalam eko-sistem alam. Kemusnahannya mungkin akan merosakkan persekitaran yang akan memudaratkan yang besar juga. Janganlah pendakwah dan gerakan dakwah semasa kecil sibuk menumpang budi yang besar tetapi apabila sudah besar, lupa akan yang kecil pula.

d. Setelah berkuasa dan hebat, Sulaiman tidak lupa akan jasa ibu bapanya. Maka pendakwah dan gerakan dakwah, apabila berkuasa jangan lupa akan jasa mereka yang telah menyumbang kepada kejayaannya, samada individu atau kumpulan yang lain yang telah membantunya.

e. Setelah berkuasa, Sulaiman juga tidak lupa akan misi asalnya iaitu mencari keredhaan Allah taala dan melakukan amal soleh. Para pendakwah dan gerakan dakwah tidak wajar untuk kabur matanya dari misi asal perjuangan ini. Misi perjuangan ini ialah untuk mendapat keredhaan dan melakukan amal soleh bukan untuk berkuasa semata-mata. Kuasa hanyalah jalan bagi mendapat keredhaan dan melakukan amal soleh.